


**Jilid II
Bil. 4**



**Hari Jumaat
16hb Mac, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 525]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 578]

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 579]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 627]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.M.N., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATUK BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG @ ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S, A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat** TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 16hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI Y.B. TUAN MARK
KODING/TUAN TING LING
KIEW—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Mark Koding, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Kinabalu selama empat minggu mulai 12 Mac 1984 hingga 6 April, 1984 kerana beliau menghadiri Seminar Amalan dan Peraturan Parlimen, Westminster, London.

Saya juga telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat untuk tempoh yang sama kepada Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Bintulu.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ng Cheng
Kuai tidak hadir)

PROJEK DIBUAT OLEH
J.K.R.—HARGA

2. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa projek-projek seperti bangunan dan lain-lain yang dibuat oleh JKR harganya atau belanjanya adalah termahal jika dibandingkan dengan dibuat oleh perseorangan ataupun oleh swasta.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sangat umum. Yang demikian, jawapan saya terpaksa juga dibuat secara umum sahaja. Kos sesuatu projek sama ada dibuat oleh JKR, perseorangan atau swasta adalah bergantung di atas faktor-faktor di antaranya ialah:

- (a) harga bahan binaan (material cost);
- (b) kos tenaga buruh (labour cost);
- (c) kos penggunaan alat jentera dan alat loji (plant and machinery);
- (d) had keuntungan (profit).

Selain daripada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, kos sesuatu projek adalah juga bergantung di atas kecekapan dan pengalaman kontraktor itu sendiri. Ramalan turun naik harga bahan-bahan binaan dan organisasi syarikat-syarikat yang

berkenaan iaitu sama ada mempunyai kos tetap (overhead cost) yang besar, berkemampuan membuat kerja-kerja itu sendiri atau terpaksa bergantung kepada lain-lain sub-kontraktor. Perkara-perkara lain yang juga mempengaruhi kos satu-satu projek itu adalah juga seperti mutu atau kualiti dan kemas (finishes) yang mana adalah perkara yang sukar untuk dibanding dan diletakkan harga dengan tepat.

Atas faktor-faktor dan sebab-sebab yang saya sebut tadi maka kos satu-satu projek adalah berlainan tetapi dapat dianggarkan secara kasar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kebanyakan projek-projek yang dikendalikan oleh Jabatan Kerjaraya adalah dibuat oleh pihak kontraktor swasta melalui tawaran tender.

Sebagaimana yang saya nyatakan bahawa jawapan ini terpaksa dibuat secara umum sahaja melainkan sekiranya Ahli Yang Berhormat memberitahu dengan pastinya tentang mana-mana projek yang dikendalikan oleh Jabatan Kerjarayanya dan didapati harganya adalah lebih mahal dari sepatutnya, maka bolehlah saya menyasat dan memberi jawapan yang tepat kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengapakah lazimnya terdapat pandangan umum bahawa kerja-kerja yang dibuat oleh JKR secara departmental kosnya tinggi. Adakah ini ada hubungannya dengan kebiasaan bahawa kerja-kerja ini mungkin lambat, dibuat lambat siap ataupun munginkah kerana kos

operasinya (operating cost) itu agak tinggi yang dibuat secara departmental berbanding dengan yang dibuat oleh swasta?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang saya kata tadi ialah dibuat secara umum sahaja. Soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah atas satu perkara yang saya boleh katakan lebih umum, dengan tidak sebutkan mana satu projek yang beliau telah mengambil kira atau menyasat untuk mendapat keterangan. Tetapi jawapan yang saya beri tadi ialah satu keterangan sebab-sebabnya ada juga harga JKR lebih murah daripada swasta.

Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat tadi juga kata ada kelewatan untuk melaksanakan projek-projek, saya rasa perkara itu ialah selain daripada soalan asal.

NEGARA-NEGARA PENGELUAR BIJIH TIMAH

3. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kesan balas daripada negara-negara pengeluar bijih timah bersabit dengan saranannya semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat baharu-baharu ini, iaitu sudah tiba masanya negara-negara pengeluar bijih timah di dunia ini merangkakan suatu sistem pemasaran yang baru bagi memastikan harga bahan itu lebih stabil dan menguntungkan negara-negara pengeluar dan tidak lagi bergantung kepada harga yang ditetapkan oleh Pasaran Logam London semata-mata.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat

sudahpun maklumi ataupun mungkin sedia maklumi memang sudah ada langkah-langkah sesuai diambil oleh negara-negara pengeluar timah untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang yang dimaksudkan selaras dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa lawatan beliau yang temaklum.

Langkah yang paling menonjol ke arah ini ialah tertubuhnya Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) pada 27hb September, 1983 dan buat masa ini persatuan tersebut mempunyai 7 buah negara anggota iaitu Australia, Bolivia, Indonesia, Malaysia, Nigeria, Thailand dan Zaire.

Tujuan utama persatuan ini ditubuhkan ialah untuk melindungi hak-hak dan kepentingan-kepentingan sah negara-negara pengeluar timah supaya dapat memperolehi pemulangan yang berpatutan dan adil daripada sumber semula jadi yang berkehabisan di samping menjamin bekalan yang cukup pada harga yang stabil kepada negara-negara pengguna. Berasaskan kos pengeluaran purata dengan mengambil kira keadaan dan pengaruh pasaran.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, persatuan juga akan berusaha untuk mengekal dan meluaskan keberkesanan timah di dalam teknologi moden melalui penyelidikan dan kemajuan dan meningkatkan kerjasama di bidang pemasaran timah.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa di antara tujuan utama penubuhan persatuan ini ialah untuk mempercepatkan kerjasama di bidang pemasaran timah di antara negara-negara pengeluar timah.

Untuk mencapai maksud ini persatuan tersebut akan mengambil langkah-langkah untuk memajukan pendekatan-pendekatan bersama di

dalam pemasaran timah dan akan memperbaiki lagi maklumat serta risikan pasaran.

Memandangkan yang persatuan ini baru sahaja ditubuhkan maka urusetia persatuan sedang menyediakan program-program kerja yang wajar dan bersesuaian ke arah mencapai matlamat pengwujudan persatuan. Oleh yang demikian, langkah-langkah sedang pun diambil untuk mewujudkan satu sistem pemasaran yang baru di mana negara-negara pengeluar timah mempunyai peranan yang lebih luas dalam menentukan harga timah.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini adakah beliau membincangkan dengan Presiden Reagan mengenai masalah penjualan stok pile timah dari masa ke semasa yang sentiasa menurunkan harga timah di pasaran dunia akibatnya Malaysia menderita kesan-kesan yang buruk.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam lawatan itu hampir semua perkara yang dapat memberi kebaikan terhadap negara kita ditimbulkan termasuk juga masalah Stok GSA Ameika Syarikat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tmbahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan langkah-langkah telah diambil bagi hendak memastikan supaya negeri-negeri yang pengeluar bijih dapat menentukan harga bijih di pasaran antarabangsa. Di antara langkah yang positif ialah menubuhkan satu persatuan ATPC iaitu negara-negara pengeluar bijih di dunia ini sebanyak 7 buah sahaja.

Saya ingin bertanya adakah negara-negara lain daripada 7 buah ini yang ada mengeluarkan bijih dan layak kita mempelawanya untuk bersatu di dalam persatuan ini dan kalau ada, apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk memperkukuhkan lagi perpaduan negara-negara pengeluar bijih di dunia ini supaya dapat mempertingkatkan lagi berkenaan dengan penawaran harga di dalam perdagangan bijih antarabangsa.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli-ahli yang telah saya sebutkan tadi adalah menyumbangkan kepada jumlah peratus yang besar terhadap persatuan ini dan memang ada negara-negara yang menghasilkan bijih timah tetapi jumlah yang dihasilkan adalah dalam bahasa Inggeris, negligible iaitu jumlah yang kecil.

Memanglah kita sentiasa berusaha untuk mendapatkan keahlian sebanyak-banyaknya daripada ahli-ahli yang menghasilkan, mengeluarkan bijih timah untuk menjadi ahli dan kita sentiasa berusaha dan mudah-mudahan usaha kita ini akan berjaya dan insya Allah, dengan ini akan dapatlah kita mengharapkan pertubuhan persatuan pengeluar-pengeluar timah yang berkesan ke arah mewujudkan harga yang stabil untuk bahan yang kita hasilkan.

JUTAWAN DALAM TAHUN 1983—BILANGAN

4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaikah jutawan yang terdapat di negara ini dalam tahun 1983 berdasarkan kenyataan cukai pendapatan atau lain-lain dan bagaimanakah pecahannya mengikut kaum dan profession/kegiatan ekonomi. Apakah faktor-faktor yang menyumbangkan kepada peningkatan bilangan jutawan di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat yang khusus berhubung dengan bilangan jutawan di negara ini dan pecahannya mengikut kaum dan profession atau kegiatan ekonomi. Oleh yang demikian adalah sukar bagi saya untuk menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan bilangan jutawan di negara ini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan bercadang mengenakan satu cukai khas ke atas jutawan-jutawan supaya wang yang dikutip dari cukai ini digunakan untuk membantu orang-orang miskin dan memandangkan sekarang orang-orang yang kaya semakin kaya dan orang-orang yang miskin semakin miskin, sama ada Kementerian Kewangan mempunyai satu rancangan untuk memastikan terhadap pengagihan pendapatan yang lebih adil.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya segala kegiatan Kerajaan Barisan Nasional ada untuk mencapai sesuatu tahap keadilan di dalam negara ini dan pada setakat ini kita tidak ingin mengadakan suatu cukai khas seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana pendapatan-pendapatan setiap jutawan telah dikenakan cukai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak Rancangan Malaysia Pertama tahun 1970 dilancarkan sehingga tahun 1983 sekarang ini berapa peratuskah pertambahan kalau kita bandingkan sebelum tahun 1970 dan selepas Rancangan Malaysia Pertama dari segi pendapatan cukai pendapatan sahaja berapa peratus pertambahannya.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang khusus itu saya hendak notis.

Tun Ismail bin Said: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa beliau tidak ada maklumat khas berhubung dengan jutawan-jutawan yang terdapat dalam negara kita pada hari ini.

Saya ingin tahu sama ada beliau bercadang untuk mengadakan satu bancian khas untuk menentukan jumlah jutawan yang terdapat sebagaimana yang dikehendaki dalam soalan asal ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, bentuk cukai yang ada sekarang tidaklah berkait dengan angka-angka jutawan oleh kerana bentuk cukai sekarang adalah berasaskan kepada pendapatan dan oleh kerana itu tidak ada sesuatu column atau ruang yang khas untuk mendapatkan penerangan atau keterangan mengenai hartabenda yang ada pada setiap orang.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya agak merasa hairan mengapa sebenarnya kita tidak dapat memperolehi statistik daripada Kerajaan terhadap satu perkara yang penting ini.

Yang keduanya, saya hendak bertanya adakah tidak terdapat kes-kes di mana berlakunya kegiatan-kegiatan mengelakkan cukai di kalangan jutawan-jutawan ataupun hartawan dalam negara kita? Kalau ya, adakah buruk ataupun tidak?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tentang soal yang pertama saya percaya angka-angka mengenai jutawan-jutawan tidak begitu penting oleh kerana ini bukanlah satu petunjuk yang boleh mencerminkan kekayaan

sesuatu negara. Ada lain-lain petunjuk yang lebih penting seperti pendapatan purata sesuatu negara dan lain-lain.

Mengenai soalan yang kedua, adalah benar iaitu ada sebahagian daripada jutawan-jutawan yang ada di dalam negara kita yang kadang-kadang cuba untuk mengelakkan pembayaran cukai pendapatan dan apabila seseorang ini disyakki oleh kerana ada lain-lain keterangan yang datang, seperti membeli harta-benda jauh daripada apa yang boleh dari segi pendapatannya, siasatan lanjut dan teliti diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

RUMAH KEDIAMAN KAKI-TANGAN KERAJAAN PUSAT

7. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kekurangan rumah-rumah kediaman pada masa ini untuk kakitangan Kerajaan Pusat yang bekerja sebagai Pegawai-pegawai Persekutuan (Federal Officers) di negeri-negeri dalam Malaysia, terutama sekali Negeri Sarawak dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan masalah tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kekurangan rumah-rumah kediaman Kerajaan di negeri-negeri di dalam Malaysia, termasuk Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang layak mendapat rumah

kediaman Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Am Bab 'E' telah mendapat peruntukan rumah yang sewajarnya, sementara yang lain-lain akan diberikan mengikut giliran masing-masing.

Walau bagaimanapun, di tempat yang sukar mendapat rumah sewa, Kerajaan telah mendirikan sebilangan rumah kediaman yang berhampiran dengan tempat tugas sebagai rumah khas Jabatan dan rumah biasa Kerajaan, jika ia adalah untuk kepentingan perkhidmatan. Untuk mengatasi keadaan sewa rumah yang mahal di Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah meluluskan bayaran elaun bantuan sewa rumah pegawai-pegawai Persekutuan yang diarah bertukar daripada Semenanjung yang berasaskan kepada 'rental ceiling'.

Di Negeri Sarawak terdapat sebanyak 387 unit rumah kediaman Kerajaan Persekutuan dan sebanyak 377 unit telah pun diduduki, sementara yang lainnya belum lagi diduduki oleh sebab-sebab kerosakan dan sebagainya. Kerajaan Persekutuan juga telah merancang untuk membina sebanyak 474 unit rumah dengan harga \$44 juta. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan kerana keadaan ekonomi negara dan ia adalah ditangguhkan hingga ke suatu masa yang sesuai.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi ada menyatakan bahawa rumah-rumah Kerajaan Federal banyak yang rosak. Saya mendapat tahu banyak rumah-rumah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal kerosakan berlaku tetapi tidak dibaiki. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar keadaan yang demikian?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan,

rumah-rumah Kerajaan Persekutuan yang difikirkan masih perlu dan boleh digunakan adalah dibaiki. Tentang rumah-rumah Kerajaan Negeri, saya tak ada maklumat.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bukan sahaja rumah bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan itu kurang di daerah-daerah, malah taraf rumah bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan di daerah-daerah juga adalah rendah. Misalnya kalau seorang kakitangan Kerajaan Kumpulan A Tingkatan Kanan Kerajaan diberikan rumah kelas F, sementara kakitangan Kerajaan Negeri Kumpulan A Tingkatan Biasa diberikan rumah kelas C dan kelas D. Ini memperlihatkan kepada masyarakat bahawa dari segi kedudukan dan taraf rumah itu sendiri kakitangan Kerajaan Negeri lebih tinggi di daerah-daerah.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berlakunya keadaan seperti ini, terutama di negeri-negeri yang tak bersekutu (Unfederated Malay States). Walau bagaimanapun, kelayakan menduduki rumah Kerajaan mengikut seniority ataupun kelayakan bagi perkhidmatan Persekutuan itu tak semestinya boleh disamakan dengan kelayakan yang telah ditetapkan untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri tertentu kerana mereka ada kepentingan-kepentingan tersendiri dan ada juga hal-hal yang berhubung, yang berkaitan dengan protokol pegawai-pegawai negeri itu berbanding dengan pegawai-pegawai Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir)

FILEM IKLAN DI TV

9. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Penerangan menyatakan mengenai apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya hak-hak asasi (seperti masa, gaji ataupun kontrak) kanak-kanak yang digunakan dalam iklan-iklan di sebaran am, seperti televisyen dipertahankan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, segala urusan penerbitan filem iklan dikendalikan oleh swasta untuk siaran di RTM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak-kontrak yang mengandungi syarat-syarat kerja berkenaan disediakan oleh agensi pengiklanan dan syarikat yang membuat filem itu dengan persetujuan ibubapa atau penjaga kanak-kanak berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini adalah melaksanakan syarat-syarat kod iklan sebagai garis-garis panduan untuk mengawal tayangan kanak-kanak dalam iklan-iklan siaran RTM.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementeriannya satu dasar dari segi penyertaan kanak-kanak di dalam iklan ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi dalam pokok jawapan saya ialah ada syarat-syarat dalam kod iklan yang digunakan sebagai garis-garis panduan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan. Saya hendak mengetahui adakah pihak Kementerian ini menentukan tentang kebenaran perkara-perkara yang diiklankan di TV itu supaya jangan dikatakan TV ini merupakan serupa dengan pengeluaran barang tersebut. Misalnya kalau iklankan 'Colgate', adakah menentukan bahawa Colgate

jenis itu adalah yang paling baik? Kalau tidak, maknanya TV ini merupakan subahat, yang tidak baik dikatakan baik. Adakah ada pengesahannya?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang akan dapat diiklankan dalam RTM tentulah tiap-tiap barangan itu dikatakan dia punya baik atau 'the best', selalu dikatakan 'best'. Jadi untuk RTM, seperti saya katakan tadi kita ada garis panduan dalam kod iklan kita, jikalau ada satu barangan yang keluar daripada landasan atau garis-garis panduan dalam kod iklan ini tentulah kita tidak benarkan. Tetapi ada perkataan-perkataan semacam 'No. 1', yang 'best' tak apalah, boleh pakai, tetapi 'No. 1' tak boleh, oleh kerana kalau semua pakai 'No 1', tidak ada yang mahu pakai No. 2. Jadi itulah penerangannya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah perkara-perkara penting yang digariskan dalam panduan kod iklan kanak-kanak ini fasal tidak disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa yang itu tak bersangkutan.

SISTEM SALLEH—SIKAP KEJIRANAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh kerana semakin merosotnya sikap kejiaran di kalangan rakyat dan betapa pentingnya dihidupkan semula konsep kerjasama Polis-Awam dalam memerangi jenayah, apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Polis dalam mengembalikan semula "Sistem Salleh" yang hampir sama dengan "Sistem Koban" di Jepun bagi membantu mengatasi jenayah di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, “Sistem Salleh” telah diperkenalkan oleh Polis Di Raja Malaysia kepada negara dalam tahun 1968. Tujuan sistem ini diwujudkan ialah untuk memerangi kegiatan-kegiatan jenayah, mendapatkan kerjasama serta merapatkan hubungan di antara anggota-anggota Polis dengan orang ramai dan membiasakan anggota Polis dengan kawasan-kawasan yang dipertanggungjawab kepada mereka. Sistem ini membolehkan anggota-anggota Polis memahami masyarakat dan memberi kemudahan-kemudahan perkhidmatan Jabatan Polis kepada penduduk-penduduk di sesuatu kawasan. Dengan ini ianya dapat menanam semangat keyakinan orang ramai kepada Pasukan Polis khususnya dan perkhidmatan Kerajaan amnya.

Setelah sistem ini dilancarkan didapati ianya menimbulkan beberapa masalah dan kerumitan, maka ianya tidak dipertimbangkan.

Dalam tahun 1982, Polis Di Raja Malaysia berhasrat menghidupkan kembali sistem ini memandangkan konsepnya adalah baik bagi tujuan di atas.

Sebuah Jawatankuasa telah dibentuk oleh Polis Di Raja Malaysia untuk mengkaji dan merancang suatu sistem baru yang sempurna dan efektif. Kajian sedang diusahakan oleh Polis Di Raja Malaysia berdasarkan pengalaman yang diperolehi dari Sistem Koban di Jepun dan “Neighbourhood Policing System”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di Singapura untuk mencari cara atau pendekatan baru yang sempurna dan sesuai dengan keadaan masa. Kajian ini memakan masa kerana “sistem” yang dirancang itu memerlukan pertambahan anggota dan perbelanjaan yang tinggi; oleh yang demikian sistem ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dijelaskan tadi Sistem Salleh telah dibatalkan selepas beberapa lama dilaksanakan dan sudah tentulah sistem yang dijalankan memakan wang perbelanjaan yang besar. Sekarang kita akan menghidupkan kembali sistem itu dengan penyesuaian-penyesuaian baru. Apakah jaminan pihak Kementerian bahawa selepas diadakan sistem baru ini, selepas sistem baru ini berjalan dengan memakan belanja yang besar, apakah jaminan pihak Kementerian bahawa sistem baru ini akan berjalan sepanjang masa dan tidak diberhentikan dan dengan demikian mengakibatkan pembaziran belanja di pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang menyebabkan pihak kami merancang dengan begitu mantap pada hari ini berkaitan dengan sistem yang kami akan kemukakan ini ialah apakala kami memandangkan soal-soal perbelanjaan khususnya, iaitu jikalau kita melihat kepada sistem yang dilakukan di Singapura pada hari ini yang bernama “Neighbourhood Policing System”. Bagi satu-satu division, ianya memerlukan \$2.9 juta dan jikalau dicampur pula dengan kelengkapan yang kita kehendaki untuk melaksanakan tugas ini dengan lancar, \$1 juta lagi perlu ditokok. Dan satu division itu, mengikut fahaman kami, samalah besarnya dengan satu kawasan piliranraya di Malaysia ini. Jadi, fahamilah kita, bagaimana besarnya perbelanjaan ini.

Dan yang kedua soal pembawaan anggota-anggota Polis sendiri; itu pun perlu diperhatikan dengan sematangmatangnya, kerana sikap Polis bagi melaksanakan rancangan ini, pastilah berbeza dengan sikap yang ada pada hari ini. Ianya merupakan suatu langkah yang boleh diperkatakan kalau dalam bahasa Arab, silaturahim Tuan

Yang di-Pertua, iaitu umpamanya, apabila seseorang anggota itu mengetuk pintu sebuah rumah di mana terdapat suri rumah yang muda remaja berseorangan, maka pembawaannya, hendaklah merupakan pembawaan yang ikhlas dan jujur. Yakni semata-mata bertanya, apa berlaku pada hari ini atau apa sesuatu berlaku pada hari ini atau apa khabar dan jikalau tuan rumah itu berkata, saya memerlukan ambulan maka anggota yang tersebut terpaksa dengan serta-merta mendapatkan ambulan itu.

Begitu juga, apakala anggota itu memasuki perkarangan rumah orang-orang Islam. Bagaimana kalimah awal yang sepatutnya dimulakan. Adakah Assalamualaikum, atau yang lain-lain lagi. Dan apakala pula dijemput masuk ke dalam rumah maka beliau juga pasti membawa, satu pendekatan yang bersesuaian dengan budaya keluarga rumah itu sama, ada menanggal kasut atau tidak. Jadi, perkara-perkara yang semacam ini, terpaksa dikaji dengan halusi. Kajian ini pada hari ini dilaksanakan oleh satu Jawatankuasa khusus dan kita berharap apakala pengkajian ini selesai akan dibentangkan kepada pihak yang berkenaan untuk kelulusannya. Ertinya, pada hari ini, kami berhati-hati supaya apa sesuatu yang kami hendak laksanakan benar-benar dapat dikendalikan tanpa terbantut di mana-mana.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah syarahan tadi itu bagus, saya berharap syarahan ini dapat diadakan di

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak dibenarkan membuat komen (*Ketawa*). Membuat soalan tambahan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan soalan saya. Memandangkan sistem baru yang sempurna ini tidak disiapkan buat sementara itu, apakah sistem ataupun apakah langkah yang diambil oleh

Kementeriannya untuk mengelakkan semua anggota Polis melakukan kekerasan ke atas orang ramai ataupun orang tahanan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyangkal kenyataan Yang Berhormat itu memperkatakan bahawa Polis kami ataupun Polis kita bertindak kasar terhadap orang ramai. Polis sentiasa diberi tahu, sentiasa diingati supaya jangan melakukan sesuatu yang agak luar biasa ataupun melakukan sesuatu yang boleh diperkatakan kasar. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, melawat boleh dikatakan hampir ke semua Kontigen Polis termasuk Balai-balai Polis sehingga ke Pondok-pondok Polis yang hanya mempunyai dua orang anggota sekalipun untuk memberi tahu kepada Polis supaya jangan sekali-kali melaksanakan sesuatu yang tidak selari dengan kehendak Kerajaan atau yang tidak selaras dengan kehendak Kerajaan. Ertinya, janganlah sekali-kali melakukan kegiatan-kegiatan yang boleh disifatkan sebagai zalim atau kejam. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri mengetahui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengeluarkan cogan kata yang bernama Cekap, Bersih dan Amanah. Jadi ini semua sekali merangkumi bahawa perbuatan yang tak baik itu memang tidak digalakkan, memang tidak dibenarkan.

Berhubung dengan soalan yang kedua Yang Berhormat itu, saya juga suka menyangkal. Katanya, kekerasan berlaku terhadap orang-orang tahanan. Kami tidak melaku kekerasan kepada orang tahanan. Kami hanya, apakala menanya atau menyoal mereka, iaitu sama ada Lembaga Penasihat menyoal dan menanya mereka, kami soal dan tanya mereka dengan cara-cara yang baik sekali. Yang menjadi masalahnya, mereka sendiri tidak mahu menjawab soalan

kami. Walau bagaimana sekalipun kami hanya menyoal dan menanya. Sukalah saya sarankan sekali lagi bahawa kenyataan Yang Berhormat itu memang tidak tepat dan saya berharap Yang Berhormat jangan lagi mengemukakan soalan-soalan yang sedemikian.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah hakikatnya sekarang kerjasama daripada orang ramai kurang sambutannya terhadap Polis kita dalam membasmikan jenayah yang menyebabkan kita perlu kepada satu sistem dan kalau kurang kerjasama ini, apakah kita telah mengkaji sebab-sebabnya yang orang ramai tidak ataupun kurang hendak memberi kerjasama kepada pihak Polis dalam membasmikan jenayah dan kalau kita telah membuat penyiasatan, apakah hasil daripada sebab yang berlaku demikian itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama rakyat dengan Polis sudah lama wujud. Tetapi apa yang hendak kita lakukan pada masa ini ialah mempertingkatkan lagi supaya lebih rapat, lebih sepadu, lebih sehati silaturrahim di antara polis dengan rakyat.

HARGA MINYAK MASAK

11. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga minyak masak telah naik dan sama ada kenaikan ini telah disetujui oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan apakah tindakan yang diambil untuk mengawal kenaikan harganya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah pun

saya jawab pada hari semalam 15hb March, apabila menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kinta dan saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

GURU-GURU SEMENANJUNG MALAYSIA BERKHIDMAT DI SABAH/SARAWAK

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang sedang berkhidmat di Sabah dan Sarawak dan mengapa lebih ramai anak-anak tempatan tidak diambil untuk menjalani latihan perguruan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

Di Sabah . . . 2,673 orang

Di Sarawak 1,726 orang

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk seboleh-bolehnya mengambil semula calon tempatan yang layak dan sesuai menjalani latihan perguruan asas di Maktab-maktab Perguruan di Sabah dan Sarawak.

Jumlah calon-calon yang diambil untuk menjalani kursus perguruan tersebut adalah tertakluk kepada capacity Maktab-maktab Perguruan yang ada pada masa ini.

Sejak kebelakangan ini calon-calon tempatan yang layak dan sesuai untuk menjalani latihan perguruan di Maktab-maktab Perguruan di Sabah dan Sarawak semakin lama semakin bertambah. Ekoran daripada ini maka jumlah calon-calon guru pelatih dari Semenanjung Malaysia yang diambil untuk menjalani latihan perguruan

asas di Maktab-maktab Perguruan di Sabah dan di Sarawak adalah semakin menurun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah benar guru-guru daripada Semenanjung ini yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak, masa perkhidmatannya di Sabah dan Sarawak itu tidak diambil kira dari segi mendapat pencennya, dari segi perkhidmatannya dan juga dari segi gajinya apabila mereka itu kembali semula berkhidmat di Semenanjung. Dan jika ini benar, apakah pihak Kementerian memberi sambungan perkhidmatan yang lebih baik kepada guru-guru ini supaya lebih ramai lagi guru-guru kita yang berminat untuk berkhidmat di Malaysia Timur.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang dilantik dan yang telah di sahkan di dalam jawatan perkhidmatan pelajaran bertugas di mana-mana pun perkiraannya akan dikira, dan kita dalam hal ini tidak membezakan sama ada perkhidmatan itu berlaku di Sabah dan Sarawak, ataupun di Peninsular Malaysia, kerana ini adalah sama belaka.

Jadi masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin tidak timbul sekiranya guru ini telah dilantik dan disahkan dalam jawatan dimana-mana sahaja dia bertugas.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana masih terdapat kekurangan yang besar pada masa ini guru-guru di Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada anak-anak tempatan, adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan satu-satu kelonggaran bagi pengambilan calun Sabah dan

Sarawak dalam latihan perguruan. Dan sekiranya ada ataupun sekiranya hendak diadakan, bolehkah tidak kelonggaran yang sama diberikan kepada calun daripada negeri-negeri di Semenanjung yang juga mengalami kekurangan guru daripada anak tempatan dan juga menghadapi masalah guru-guru daripada negeri-negeri yang lain tidak begitu berminat hendak mengajar di negeri-negeri yang berkenaan di Terengganu misalnya dan lain-lain. Terima Kasih.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar kita memberi beberapa kelonggaran syarat dari segi kemasukan bagi calun-calun yang datang daripada Sabah dan Sarawak untuk membolehkan mereka dilatih di Maktab-maktab Perguruan yang ada di Sabah dan Sarawak. Tetapi kelonggaran yang sama setakat ini tidak kita berikan bagi negeri-negeri yang ada di Semenanjung ini termasuklah negeri-negeri di Pantai Timur seperti Terengganu dan Pahang.

Saya memang sedar masalah yang cuba dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana memang menjadi kenyataan guru-guru yang lulus yang berasal daripada negeri-negeri Pantai Barat enggan bertugas ataupun menyambungkan tugas di negeri-negeri Pantai Timur dan ini telah menimbulkan masalah kekurangan guru-guru ikhtisas di sana dan untuk mengatasi hal ini kita tidak dapat membuat yang sama seperti yang kita lakukan kepada Sabah dan Sarawak kerana ini bermakna kita perlu mewujudkan Maktab-maktab khusus di Pantai Timur semata-mata untuk melatih pelatih-pelatih daripada negeri Terengganu dan Pahang. Dan ini setakat ini belum perancangan untuk kita berbuat demikian.

GERAI-GERAI DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—SEREMBAN

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan dikeluarkan bagi mendirikan gerai-gerai di tepi Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban. Apakah sebabnya gerai-gerai itu masih kosong dan tidak digunakan, hasil dari perancangan awal sebelum mendirikan gerai-gerai tersebut tidak betul atau penguatkuasaan tidak dijalankan kepada penjual-penjual yang sepatut menggunakannya.

Menteri Kerjaraya (Dato' Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang dikeluarkan bagi mendirikan gerai-gerai di tepi Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban adalah sebanyak \$1.8 juta.

Ini termasuk kos tanah, pembinaan tempat meletak kereta dan juga sebanyak 28 buah gerai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan mendirikan gerai-gerai ini adalah untuk menempatkan penjual-penjual buah-buahan yang telah lama berniaga di beberapa tempat tertentu di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban.

Bagi maksud ini pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah siap mendirikan tempat meletak kereta dan gerai di sebelah lebuhraya yang menuju ke Seremban. Tetapi di sebelah lebuhraya yang menuju ke Kuala Lumpur pula pembinaan tempat meletak kereta dan kawasan menjaja sedang dirancangan.

Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menyediakan gerai-gerai dan tempat-tempat meletak kereta yang telah dibenarkan itu kepada Syarikat Fima Rantai pada bulan Julai 1983. Bagi kawasan yang berhampiran dengan Seremban pada 1hb November, 1983.

Bagi kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Sungai Besi, Kuala Lumpur, untuk mengendalikannya termasuk mendapatkan penjual buah-buahan berniaga di gerai-gerai tersebut, adalah difahamkan bahawa Syarikat Fima Rantai sedang mengambil tindakan untuk memastikan bahawa semua gerai-gerai ini diisikan dengan penjaja-penjaja yang berjaya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab penjual buah-buahan tidak menduduki gerai-gerai di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban oleh kerana sewa yang dikenakan oleh Syarikat Fima Rantai adalah terlalu mahal.

Dan sekiranya beliau sedar sama ada Yang Berhormat Menteri akan menggunakan jasa baiknya untuk berunding dengan syarikat itu supaya sewa dapat dikurangkan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya telah mengadakan perjumpaan dengan penjual buah-buahan di tempat itu lebih daripada lima kali.

Selepas itu saya telah berbincang dengan Syarikat Fima Rantai untuk mengurangkan sewa dan juga bukan mengadakan satu rekabentuk kedai-kedai seperti apa yang kita nampak sekarang. Tetapi kita beri kepada mereka masa hadapan kedai yang kita boleh mendirikan lebih murah yang mana kita boleh mengurangkan sewa-sewa yang akan mereka bayar. Ini akan berlaku tidak berapa lama lagi.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri berkenaan adakah pihak Kementerian bercadang mengutip tol bagi kereta yang diletakkan di tepi lebuhraya itu?

Dato' S. Samy Vellu: Saya belum ditetapkan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa jumlah gerai dibina lebih kurang 28 buah dengan modal \$1.8 juta. Jadi usaha-usaha telah dibuat untuk menempatkan penjual-penjual di situ. Saya ingin tahu bilakah gerai itu telah siap dan setakat ini berapa buah gerai telah diisi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu, gerai-gerai itu telah pun siap dan kita berikan kedai-kedai itu kepada Fima Rantei tetapi saya belum tahu bilakah mereka boleh siapkan perkara perlu untuk menyewakan kedai-kedai itu kepada penjual-penjual buah-buahan?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan ataupun cadangan untuk mendirikan gerai-gerai di Lebuhraya Karak umpamanya dekat dengan Terowong, itu lebih munasabah kalau didirikan gerai-gerai yang elok untuk penjual buah-buahan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya sedang bincangkan dengan Kerajaan Negeri Pahang dan juga dengan Kerajaan Negeri Selangor. Perbincangan ini saya harap boleh dapat satu hasil yang mana kita boleh menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi dekat Terowong yang disebutkan tadi itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya tentang kedudukan gerai itu kerana setakat ini gerai-gerai itu adalah

dipenuhi oleh pokok-pokok dan juga kadang-kadang menjadi tempat lembu-lembu tidur.

Jadi apakah Jabatan ini bercadang untuk memberikan sewa gerai itu dengan pecuma supaya dapat gerai itu digunakan dengan sepenuhnya ataupun tidak lagi terdapat penjual buah itu di tepi-tepi jalan selain daripada bangunan itu dapat dijaga dengan sempurna dan tidak rosak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya harap kita boleh menyelesaikan masalah yang kita hadapi di Lebuhraya Seremban—Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi. Saya harap selepas itu jika sesiapa melanggar undang-undang, kita akan mengambil tindakan atas mereka.

PROJEK HIDRO DI BAKUN, BELAGA, SARAWAK

14. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berkaitan dengan projek Hydro di Bakun, Belaga di Bahagian Ketujuh, Sarawak, adakah Kementerian tersebut bercadang hendak meneruskan rancangan tersebut. Jika ya, bila dan apakah kemudahan yang akan disediakan kepada penduduk-penduduk dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamad Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan masih lagi belum memutuskan sama ada hendak meneruskan pelaksanaan projek Hidro Bakun atau sebaliknya. Ini adalah oleh kerana pihak juru perunding yang menjalankan kajian ke atas projek ini baru sahaja selesai membuat kajian dan laporan mengenai hasil kajian itu juga baru sahaja diterima oleh Kerajaan.

Memandangkan kedudukan ekonomi negara sekarang serta juga implikasi kewangan yang terlibat dari projek ini adalah besar, maka pertimbangan yang teliti dan mendalam perlu dibuat oleh Kerajaan sebelum keputusan muktamad dapat dicapai mengenai pelaksanaan projek ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, memandangkan kekurangan industri-industri berat yang memerlukan tenaga elektrik, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu rationale untuk pertimbangan Kerajaan untuk membuat satu projek elektrik hidro yang akan menjadi projek terbesar di Malaysia, jika dibina.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud dari segi bekalan elektrik untuk industri berat, maka bekalan elektrik untuk industri berat adalah mencukupi bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Hamid.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid tidak hadir).

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMBATALKAN

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jika ada cadangan membatalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, dan Essential Security Cases (Amendment) Regulation, 1975 memandangkan kepada keadaan keselamatan yang maju.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berkali-kali menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membatalkan dan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975. Akta dan Peraturan-peraturan tersebut telah digubal dengan begitu teliti bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman anasir-anasir subversif dan komunis militan yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan bersenjata.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa keselamatan negara pada masa ini adalah terkawal oleh kerana kita telah berjaya membendung kegiatan musuh-musuh negara. Akan tetapi ini bukan bermakna bahawa ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak lagi wujud. Bahkan negara kita masih menghadapi ancaman dari pengganas komunis, anasir-anasir subversif dan anti-nasional.

Maklumat menunjukkan bahawa tiada tanda-tanda pengganas komunis mengubah matlamat asal perjuangan mereka iaitu merampas kuasa dari kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat. Apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka hanya mengubah taktik agresif mereka kepada taktik "low profile" oleh kerana sekarang mereka lemah. Taktik ini mungkin berubah kepada taktik agresif sekiranya kita tidak berwaspada dan mengambil tindakan yang tegas.

Adalah menjadi tanggungjawab utama Kerajaan bagi menjamin dan mengekalkan ketenteraman dan keamanan rakyat serta keselamatan negara. Oleh itu Kerajaan bercadang untuk meneruskan pelaksanaan Akta

Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah pernah pihak Kementerian ini menerima rayuan daripada rakyat biasa, daripada petani, daripada nelayan yang mengumpul tandatangan ramai-ramai misalnya untuk menarik balik Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975, selain daripada menerima rayuan daripada orang-orang berkepentingan sahaja?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah langsung.

GALAKAN OLAHRAGAWAN/ OLAHRAGAWATI SEBAGAI PROFESIONAL

17. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi menggalakkan para olahragawan dan olahragawati di negara kita supaya mereka mengkhususkan diri sebagai profesional di bidang mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Setiausaha Parlimen Kementerian saya dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan sentiasa memberi galakan kepada olahragawan dan olahragawati untuk mencapai taraf yang paling tinggi dalam bidang sukan masing-masing.

Galakan yang diberikan ialah dalam bidang kemudahan, latihan, bantuan kewangan serta pendedahan ke pertandingan di semua peringkat termasuk peringkat antarabangsa.

Dari masa ke semasa Kementerian saya telah juga menjemput pakar-pakar dari luar negeri untuk mengendalikan latihan-latihan khusus. Melalui cara-cara tersebut ahli-ahli sukan kita mempunyai peluang untuk mencapai taraf kecemerlangan di dalam bidang sukan mereka. Mereka bolehlah dianggap sebagai profesional dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sukan masing-masing.

Persoalan sama ada mereka akan menjadi seorang ahli sukan profesional dari segi pekerjaan atau pendapatannya, bergantunglah kepada pilihan mereka sendiri.

KAWASAN PILIHANRAYA— ROMBAKAN

18. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil berat tentang rombakan kawasan pilihanraya di mana bilangan pengundi adalah banyak berbeza antara satu kawasan dan kawasan yang lain dan perbezaan bilangan pengundi ini telah menjejaskan semangat dan hak asasi demokrasi yang bercorak seorang, seundi dan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya akan diarahkan mengambil tindakan yang wajar untuk memastikan bilangan pengundi di setiap kawasan haruslah hampir sama ada membetulkan keadaan pincang di mana bilangan pengundi di sesuatu kawasan adalah melebihi kawasan lain dengan seramai 10,000 atau 20,000 pengundi atau sekaligus agar imej baik Kerajaan dan kedudukan adil Suruhanjaya Pilihanraya akan menimbang cadangan balas dari parti-parti politik dan persatuan-persatuan rakyat dan menerima dan menghormati hasrat rakyat yang berdasarkan pada prinsip dan hak demokrasi yang menitikberatkan prinsip seorang, seundi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya yang ditubuhkan mengikut kehendak Perlembagaan adalah sebuah badan bebas dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengikuti sebarang kehendak Kerajaan.

Sekiranya Suruhanjaya itu terpaksa menjalankan tugas mengikut arahan pihak yang lain, maka ini bermakna Suruhanjaya itu bukan lagi menjadi sebuah badan yang bebas seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan, melainkan jika didapati Suruhanjaya itu telah menjalankan tindakan-tindakan di luar bidangnya yang diberi oleh Perlembagaan.

Di dalam urusan mengulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya, laporan rasmi belum lagi diterima oleh Kerajaan. Saya difahamkan bahawa buat masa ini Suruhanjaya Pilihanraya sedang mendengar rayuan-rayuan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berhak membuat rayuan mengikut Perlembagaan. Oleh kerana siasatan-siasatan tempatan bersabit dengan rayuan-rayuan itu sedang dijalankan saya tidak mahu menyentuh soal-soal ini kerana ianya akan mempengaruhi tugas-tugas Suruhanjaya Pilihanraya yang masih belum selesai itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana keputusan muktamad mengenai kajian semula sempadan kawasan-kawasan Pilihanraya ada dalam tangan Dewan Rakyat yang mulia ini, apa langkah akan diambil untuk menentu, untuk mempasti bahawa semua ahli-ahli akan dapat maklumat-maklumat yang sepenuhnya mengenai perakuan-perakuan yang akan diketengahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam perkara ulangkaji sempadan sebelum Dewan yang mulia ini harus buat satu

keputusan semua maklumat-maklumat mengenai pengundi-pengundi dan lain-lain halnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Cadangan mengenainya akan dikemukakan oleh Suruhanjaya kemudian.

PENYAKIT PADI— LANGKAH MENGATASI

19. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian ini di dalam usaha mengatasi merebaknya penyakit padi (penyakit merah) dan musuh-musuh padi (kutu beruang, cenangau dan bena) dari satu kawasan persawahan ke kawasan persawahan yang lain.
- (b) Adakah Kementerian ini sedar akan serangan penyakit padi dan musuh-musuh yang tersebut ke atas kawasan persawahan Seberang Perak di musim yang lepas ini.
- (c) Berapa banyakkah anggaran kerugian yang telah dialami oleh petani-petani yang terlibat dan jenis bantuan yang telah diberi bagi memulihkan semua kawasan pertanian tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian ini di dalam usaha mengatai merebaknya penyakit padi (Penyakit merah) dan musuh-musuh padi iaitu (kutu beruang, cenangau dan bena, ialah seperti berikut—

—mempertingkatkan kepayaan pegawai-pegawai di bidang khas dan teknik

supaya dapat disalurkan kepada para petani dengan lebih berkesan melalui Sistem 2L ataupun lawatan dan latihan.

- mengadakan program cara-cara memusnahkan punca virus selepas menuai seperti dengan cara membakar, membajak dan menyembur racun rumpai.
 - menggalakkan petani menanam jenis yang tahan dengan serangan musuh-musuh padi dan penyakit.
 - mengadakan kawalan kimia ke atas tanaman padi yang sedia ada untuk mengawal populasi pembawa penyakit.
 - mengadakan kawalan kimia di peringkat semail dengan menggunakan butiran carbopuran.
 - aktiviti pengawasan dan ramalan telah diperhebatkan dengan lebih kerap dan teratur supaya dapat mengesan penyakit pada peringkat yang awal.
 - tiap-tiap negeri juga menubuhkan satu jawatankuasa kawalan penyakit merah virus (PMV).
- (b) Kementerian saya memang sedar tentang serangan penyakit dan musuh-musuh padi ke atas kawasan persawahan Seberang Perak di musim lepas.
- (c) Anggaran jumlah kerugian yang telah dialami oleh petani-petani yang terlibat ialah sebanyak 1.1 juta ringgit yang melibatkan sebanyak 1,787 metrik tan padi. Sehubungan dengan itu, bagi memulihkan kawasan berkenaan, Kementerian saya

telah mengeluarkan bantuan input seperti racun-racun perosak untuk mencegah dan mengawal serangan dari berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5, 6, 8, 15 dan 20 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

PENEMPATAN SEMULA NELAYAN

1. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar cadangan Kementerianya untuk mengurangkan bilangan nelayan dari seramai 111,150 ke 60,000 orang akan mencetuskan pengangguran besar-besaran;
- (b) Apakah Kerajaan-kerajaan Negeri telah memberi persetujuan secara rasmi bagi memberikan tanah kepada nelayan-nelayan yang terlibat untuk bercucuk tanam; dan
- (c) Sama ada FELDA dan FELCRA telah bersetuju menyerapkan nelayan-nelayan yang cenderung menyertai skim-skimnya.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (a) Langkah mengurangkan nelayan daripada aktiviti penangkapan ikan adalah dijangka tidak akan mencetuskan pengangguran di kalangan kaum nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat penghijrahan keluar ini akan dirancang melalui penggubalan program-program yang teratur dan komprehensif supaya

nelayan-nelayan yang terlibat tiada menghadapi kesulitan. Program-program ini merangkumi pembangunan ternakair, pembangunan tanah sama ada khas untuk mereka atau dengan menyertai rancangan-rancangan kemajuan tanah yang ada dan kegiatan perniagaan yang menguntungkan.

- (b) Sebenarnya proses penempatan semula nelayan di kawasan-kawasan baru telahpun mula dijalankan di beberapa buah negeri dengan kerjasama dan sokongan sepenuhnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan
- (c) Suka dimaklumkan bahawa penyerapan nelayan-nelayan ke rancangan-rancangan tanah seperti FELDA telah pun dilaksanakan. Rundingan-rundingan telah dan akan terus diadakan dari masa ke semasa dengan Kementerian dan agensi-agensi berkenaan supaya rancangan yang teratur dapat berjalan dengan licin.

LEBUHRAYA—KEROSAKAN

5. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada keseluruhannya lebuhraya-lebuhraya di seluruh negara di Semenanjung Malaysia banyak yang rosak dan mempunyai lubang-lubang di sana-sini dan membahayakan pengguna-pengguna lebuhraya. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasinya.

Dato' S. Samy Vellu: Saya sedar bahawa memang ada jalanraya-jalanraya di negara kita yang rosak dan mempunyai lubang-lubang terutamanya dalam masa musim tengkujuh yang luar biasa seperti sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan di negara ini adalah dibahagikan kepada 4 kategori:

- (i) Jalan-jalan Persekutuan, yang mana pembinaan dan penyelenggaraannya dibuat oleh Kementerian saya.
- (ii) Jalan-jalan Negeri yang dibina dan dibiayai oleh negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan ada memberi bantuan kepada negeri-negeri sebanyak di antara \$10,007 dengan \$12,326 pada tiap-tiap sebatu setahun sebagai bantuan untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri tersebut.
- (iii) Jalan-jalan luar bandar yang dibina untuk negeri melalui bantuan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.
- (iv) Jalan-jalan perbandaran yang dibina oleh perbandaran-perbandaran masing-masing dan diselenggarakan oleh mereka sendiri. Jalan-jalan ini adalah juga menerima bantuan untuk penyelenggaraan daripada Kerajaan Persekutuan melalui negeri masing-masing.

Oleh kerana ada kategori-kategori jalan sepertimana yang saya sebutkan itu dan tanggungjawab yang berlainan untuk penyelenggaraan jalan-jalan ini, maka ada timbul perbezaan atas kualiti jalan dan taraf, sejajar dengan keadaan lalulintas.

Bagi jalan-jalan Persekutuan di bawah tanggungjawab Kementerian saya, sukacitalah saya menyatakan bahawa di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh

Kementerian saya ialah bagi membaiki apa-apa kerosakan jalan ialah:

- (i) Pembaikan serta-merta ke atas jalanraya-jalanraya yang rosak itu.
- (ii) Membarumuka (resurfacing) jalan-jalan dengan cara berperingkat-peringkat.
- (iii) Bagi jalanraya-jalanraya yang ubinnya telah sampai masa dipulihkan semula, kerja pemulihan dibuat mengikut keutamaan yang dijadualkan.

GRADUAN YANG DIBERI BIASISWA

6. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai graduan-graduan yang diberi biasiswa Kerajaan yang kini menganggur dan jumlah daripada mereka yang dibebaskan daripada bon mereka oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sejak bulan Januari, 1983 kerana ketidak-upayaan Jabatan Perkhidmatan Awam menyediakan pekerjaan di sektor Kerajaan untuk mereka apabila mereka menamatkan pengajian mereka, dengan memberikan perpecahan bagi berbagai aliran penggraduan, kerugian yang dialami oleh Kerajaan, dan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan terdapat suatu ramalan yang lebih competent tentang keperluan tenaga rakyat negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sehingga bulan Februari, 1984 Kerajaan telah berjaya menempatkan sejumlah 3,056 orang daripada 3,606 orang (84.7%) dari pemegang-pemegang Biasiswa Persekutuan yang menamatkan pengajian mereka pada sesi akademik 1982/83 yang lalu.

Seramai 190 orang (5.3%) pelajar telah dibenarkan melanjutkan pelajaran, sementara 160 orang (4.4%) pula telah dicadangkan untuk mengisi

jawatan-jawatan di Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Seramai 200 orang (5.5%) telah dilepaskan dari ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan pihak swasta iaitu 116 orang (58%) di peringkat Ijazah, lima orang (2.5%) di peringkat diploma dan 79 orang lagi (39.5%) di peringkat sijil.

Kerajaan tidak menganggap bahawa pelepasan pemegang-pemegang biasiswa seramai 200 orang untuk berkhidmat dengan pihak swasta itu sebagai satu kerugian kepada negara. Perkhidmatan mereka dengan pihak swasta bermakna mereka juga berkhidmat untuk negara.

Bersabit dengan ini saya telah umumkan baru-baru ini satu dasar iaitu pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan akan juga ditempatkan di syarikat-syarikat di mana Kerajaan ada kepentingan. Ketidak-upayaan Kerajaan menampung semua pemegang-pemegang biasiswa untuk tujuan diberi pekerjaan adalah disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi, iaitu satu kejadian yang tidak diduga sama sekali, lebih-lebih lagi pada 4 atau 5 tahun yang lalu apabila biasiswa diberikan kepada penuntut-penuntut berkenaan. Pemberian biasiswa adalah didasarkan kepada kajian dan perancangan gunatenaga yang diperlukan oleh Kerajaan.

Di samping faktor ini, proses melatih seseorang itu memakan masa panjang dan oleh itu adalah 'imperative' bagi Kerajaan untuk menawarkan bilangan biasiswa yang lebih daripada jumlah gunatenaga yang dirancangkan bagi menampung tambahan yang mungkin berlaku pada tahun-tahun yang hadapan.

PUSAT PELANCONGAN BUKIT NANAS

8. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nasib masa hadapan Pusat Pelancongan Bukit

Nanas dimana terdapat kereta kebel, kerusi angkut dan juga gerai-gerai tersadai dan rumput rampai yang hidup liar tanpa apa-apa rancangan untuk memulihkan kawasan ini, walaupun berjuta-juta wang telah dibelanjakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan pada mulanya dan sepatutnya menjadi kemegahan Bandaraya Kuala Lumpur.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Projek Kompleks Bukit Nanas ini telah dilaksanakan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan rekreasi di Kuala Lumpur serta menggalakkan perkembangan industri pelancongan. Projek ini dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) dan pada masa ini ianya terdiri dari suatu Sistem Kereta Kebel dan Kerusi Angkut, sebuah Pusat Kraftangan dan sebuah Kedai Bebas Cukai (Duty Free Shop). Kos pembangunan Kompleks ini adalah sebanyak \$3.25 juta.

Projek Sistem Kereta Kebel dan Kerusi Angkut telah memulakan operasinya dalam tahun 1974. Pada tahun pertama operasi, sambutan dari orang ramai dan para pelancong amatlah menggalakkan. Tetapi selepas daripada itu bilangan pelawat dan jumlah kutipan kian merosot tahun demi tahun manakala kos penyelenggaraan tahunan terus meningkat. Keadaan ini telah mengakibatkan kerugian terkumpul sebanyak \$3.03 juta pada tahun 1983.

Pusat Kraftangan telah dibuka dalam tahun 1977 dan hasil pendapatannya adalah kira-kira sama tiap-tiap tahun iaitu sebanyak \$24,000 mulai tahun 1977 hinggalah ketahun 1981. Projek ini masih lagi mendapat sambutan yang baik dari para

pelancong, walaupun hasil pendapatannya agak berkurangan sedikit kebelakangan ini.

Kedai Bebas Cukai pula telah memulakan operasinya dalam tahun 1980. Pendapatan yang diperolehi dari projek ini kian berkurangan dari \$4.67 juta dalam tahun 1980 kepada \$827,206 dalam tahun 1983.

Kerajaan telah menimbangkan prestasi dan kedudukan Projek Kompleks Bukit Nanas ini dan membuat keputusan supaya Kedai Bebas Cukai dan Sistem Kereta Kebel dan Kerusi Angkut ditutup. Keputusan ini diambil untuk mengelak PKPM dari menanggung kerugian yang lebih besar. Bagaimanapun Pusat Kraftangan dibenar meneruskan operasinya.

Ada syarikat-syarikat Swasta yang telah menawarkan untuk mengambilalih projek Sistem Kereta Kebel dan Kerusi Angkut tetapi Kerajaan tidaklah dapat menerima tawaran mereka kerana syarikat-syarikat ini didapati kurang layak untuk mengendalikan projek ini. Berikutan daripada tiadanya syarikat swasta yang berkeupayaan untuk meneruskan operasi projek ini, PKMP sekarang ini sedang mengambil tindakan untuk melupuskan harta benda Kerajaan di projek tersebut. Cara pelupusan adalah dengan cara menjual harta benda yang terlibat secara tender.

KEGIATAN LANUN DI SABAH

15. Tuan Abdullah Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak keselamatan tentang kejadian lanun di

perairan Pantai Timur Sabah terutama sekali di Kawasan Lahad Datu dan Semporna.

Tuan Mohd. Kasim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun kegiatan-kegiatan lanun berlaku di Sabah tetapi keadaan keselamatan adalah terkawal. Ini adalah hasil tindakan tegas Kerajaan, antaranya:

- (i) Penempatan dan penugasan anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) di sekitar kawasan Pantai dan pulau yang sensitif.
- (ii) Pemeriksaan rapi oleh anggota Pasukan Polis Hutan dan Polis Merin di pulau-pulau yang didiami dari masa ke semasa untuk menentukan keselamatan penduduknya.
- (iii) Peningkatan rondaan dan sekatan laut oleh bot ronda jenis terbesar dan bot ronda kecil jenis laju di kawasan strategik dan sensitif.
- (iv) Penempahan bot ronda-bot ronda ke Komponan Sabah mengikut keadaan dan keperluan serta pelaksanaan strategi-strategi khas di kawasan yang difikirkan sensitif.

KERETA MALAYSIA—LATIHAN KEPAKARAN

20. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan bahawa Malaysia akan membuat keretanya sendiri, berapa orang rakyat Malaysia telah dihantar untuk dilatih sebagai pakar supaya operasi kilang mengeluarkan kereta ini tidak akan dikawal oleh orang-orang asing.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Seperti projek-projek Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) yang lain,

Perusahaan Automobil Nasional (PROTON) juga mempunyai satu skim latihan yang komprehensif supaya operasi kilang akan dapat diuruskan dengan taraf kecekapan yang tinggi. Semua kepakaran untuk membantu dan melatih pekerja-pekerja PROTON akan diperolehi dari rakan usahasama HICOM, iaitu Mitsubishi Motors Corporation. Adalah dijangka bahawa skim latihan ini, yang dilaksanakan dalam satu jangka masa yang berpatutan, akan membolehkan PROTON menguruskan operasi kilang itu nanti.

Latihan ini sedang dan akan diberi kepada semua peringkat iaitu peringkat pekerja, peringkat jurutera dan peringkat pengurusan. Latihan ini meliputi latihan teori dan amali dan dikendalikan di negeri Jepun serta di kilang PROTON (inhouse training). Seramai 31 orang peringkat pekerja dan 22 orang peringkat jurutera sedang menjalankan latihan. HICOM juga akan menghantar seramai 177 pekerja, 20 orang jurutera dan 32 pegawai peringkat pengurusan untuk mengikuti latihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja dijangka akan bertambah menjelang akhir tahun 1985 bagi semua kumpulan-kumpulan pengurusan. Teknikal/Penyelia, Perkeranian, Foreman dan Pekerja Malim/Bukan Malim berjumlah 1,519 orang.

MEMPERBESARKAN JALAN BESAR JELAPANG

21. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan Jelapang di Kawasan Kinta itu sedang mengalami pembangunan pesat dengan adanya kawasan perusahaan serta bertambahnya skim-skim perumahan di sekitarnya maka turut bertambahlah jumlah penduduk serta lalulintas yang menggunakan Jalan Besar Jelapang yang menghubungkan Silibin dengan Jelapang menghala ke

Chemor itu, adakah pihak Kementerian bercadang memperbesarkan jalan itu untuk kepentingan keselamatan orang ramai:

(a) Jika sedar, bilakah kerja memperbesarkan jalan itu akan dilaksanakan.

(b) Jika tidak, mengapa?

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya sedar mengenai pembangunan yang pesat di sekitar Jalan Besar Jelapang yang menghubungkan Silibin menghala ke Chemor. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak dan bukannya Kerajaan Persekutuan. Saya telah dimaklumkan bahawa Jabatan Kerjaraya Negeri Perak belum dapat melebarkan jalan ini lagi oleh kerana peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat tidak mencukupi dan tindakan adalah diambil untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi dalam Rancangan Malaysia Kelima.

KEMISKINAN NELAYAN

22. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kaum nelayan adalah golongan yang paling miskin di negara kita ini. Apakah ikan-ikan di laut Malaysia hari ini sudah tidak mencukupi lagi atau tenaga nelayan kita tidak cukup kemahiran. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan perkara ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain memang benar bahawa nelayan-nelayan adalah golongan yang miskin. Adalah juga benar sumber ikan di perairan pantai telah merosot disebabkan terlampau banyak penangkapan diusahakan di kawasan tersebut.

Di dalam kawasan perairan pantai nelayan-nelayan tradisional memang sudah mencapai kecekapan yang tinggi di dalam cara-cara menangkap ikan tetapi di perairan laut dalam ramai daripada nelayan kecil kita kurang mahir menangkap ikan.

Di antara usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan termasuklah memberi latihan dalam cara-cara menangkap ikan di perairan laut dalam dan pertambahan sumber-sumber laut di perairan pantai dengan membina lebih banyak lagi tukung-tukung tiruan.

PEPERANGAN SECARA TERBUKA (CONVENTIONAL WARFARE)

23. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan apa terjadi kepada strategi kita untuk menukar daripada menumpukan ke atas keselamatan dalam negeri kepada tatacara peperangan (conventional warfare) khasnya bagi 3 angkatan-angkatan bersenjata iaitu:

(a) Angkatan Tentera yang melalui beberapa gerakan "Gonzales" pada akhir 1970 dan awal 1980 untuk menyediakan bagi tatacara peperangan tiada pula latihan lanjutan dan adakah beberapa gerakan-gerakan ini yang telah dijalani itu memadai bagi menyediakan angkatan-angkatan tentera kita untuk tatacara peperangan dengan mengambil ingatan bahawa Angkatan tentera kita tidak pernah diuji dalam sebarang peperangan besar;

(a) sama ada pembelian empat puluh buah kapal terbang pejuang A-4 Skyhawk adalah cukup bagi angkatan tentera udara kita kuat untuk menghadapi ancaman serangan kapal-kapal terbang daripada

negara-negara serantau sedangkan negara-negara Asean seperti Thailand sedang giat berusaha untuk membeli jet pejuang F16 dan juga Singapura serta Indonesia yang sedang meneliti untuk pembelian jet yang sama bagi sistem pertahanan udara mereka yang akan datang;

- (c) sama ada pembelian dua buah kapal peronda tengah laut (off shore patrol vessels) yang baru-baru ini sebagai tambahan kepada kapal-kapal pejuang kita yang tidak mencukupi itu memadai untuk meronda diberbagai "atoll" di Laut China Selatan dan lebih penting Selat Melaka yang terbuka kepada semua kapal-kapal mahupun "aircraft carriers" atas laluan biasa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Angkatan Tentera kita memang menumpukan perhatian juga kepada peperangan secara terbuka (conventional warfare). Tetapi tidaklah bermakna mengabaikan soal-soal keselamatan dalam negeri:

- (a) Latihan adalah merupakan satu cara untuk menyediakan Angkatan Tentera kita supaya berkeupayaan berperang secara terbuka. "Gonzales" adalah merupakan satu dari siri latihan ini. Tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada latihan lanjut kepada siri Gonzales adalah tidak benar sama sekali. Ianya telah, masih dan akan diteruskan sama ada secara bersendirian atau bersama dengan negara-negara jiran dan negara-negara sahabat. Kekurangan publisiti tidak bererti bahawa latihan siri ini tidak diteruskan;

- (b) mengenai soalan Ahli Yang Berhormat sama ada pembelian pesawat pejuang A4 Skyhawk ada mencukupi untuk menghadapi ancaman serangan kapal-kapal terbang daripada negara-negara serantau, sukacita saya menjelaskan disini bahawa Pertahanan Udara adalah satu sistem yang bersepadu (integrated systems) yang meliputi beberapa elemen pertahanan dan tidak hanya menumpukan kepada pesawat-pesawat terbang sahaja. Dalam pembelian peralatan tentera banyak perkara diambilkira termasuklah juga soal keperluan operasi untuk menghadapi ancaman semasa. Pembelian kapal pejuang A4 oleh Kerajaan adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan pertahanan yang ada, seimbang dengan ancaman luar yang diramalkan;

- (c) pembelian dua buah kapal peronda samudera (off shore patrol vessels) adalah di antara pembelian kapal-kapal yang lain untuk menambah keupayaan Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk menjalankan tugas di Laut China Selatan dan Selat Melaka. Dengan penerimaan kapal-kapal ini keupayaan angkatan Tentera Laut akan dipertingkatkan lagi.

**KEGAGALAN PROJEK
PEMBINAAN SEKOLAH
RENDAH KEBANGSAAN
KEDAI LALAT, DAERAH
SERING, KOTA BHARU,
KELANTAN**

24. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kegagalan projek pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Kedai Lalat, Daerah

Sering, Kota Bharu, Kelantan yang melibatkan perbelanjaan yang lebih sejuta ringgit itu di antaranya nyatakan:

- (a) adakah benar sebuah syarikat pemborong yang dipunyai oleh dua orang tokoh politik terkemuka dari Kelantan telah diberi kontrak membina dan menyiapkan projek ini;
- (b) nama syarikat dan nama tuan-tuan punya syarikat pemborong berkenaan serta harga kontrak itu;
- (c) berapakah jumlah wang bayaran kemajuan (Progress Payment) yang telah diluluskan sehingga ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah kerja pembinaan sebuah blok bangunan gantian yang mengandungi 12 bilik darjah, pejabat am, bilik guru besar, bilik guru, perpustakaan, bilik Televisyen, bilik ugama, setor tandas, kantin, api dan air. Anggaran kos projek ialah \$1.1 juta.

Kerja pembinaan itu telah ditawarkan kepada Syarikat Malaysian Construction beralamat 4281-C, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan dengan harga \$960,100, pada 7-6-1982 selepas proses tender yang biasa dilakukan.

Mengikut kontrak tarikh jangka masa siap projek tersebut ialah pada 22-1-1984 yang mana sekarang telah ditangguhkan kepada 21-7-1984. Kerja-kerja pembinaan sedang berjalan dan kemajuan setakat ini ialah 6%. Pembayaran sebanyak \$239,313.22 telah dibuat kepada syarikat tersebut sebagai pembayaran pendahuluan dan pembayaran kemajuan (progress payment).

HOSPITAL BARU DI SIBU— PEMBINAAN

25. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk membina sebuah hospital baru di Sibu dalam masa singkat ini; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan (Dato' Hon Ngian): Kementerian ada merancang untuk mendirikan sebuah hospital baru di Sibu dan projek hospital baru ini telah pun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Pembinaan projek ini dirancangan bermula pada pertengahan tahun 1985. Malangnya, oleh kerana kelemesetan ekonomi negara pada masa ini projek ini tidak dapat dilaksanakan di dalam masa yang singkat ini.

DASAR EKONOMI BARU— EKVITI KORPORAT/SYARIKAT

26. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri memberi:

- (i) angka-angka terbaru berhubung dengan pengagihan kaum dalam equiti korporat dan syarikat di Malaysia di bawah Dasar Ekonomi Baru;
- (ii) sama ada Kerajaan berhajat melanjutkan tempoh Rangka Rancangan Perspektif ke tahun 2,000 dan jika ya, sama ada langkah seumpama itu akan dianggap sebagai pengakuan oleh Kerajaan akan kegagalannya untuk mencapai sasaran-sasaran DEB menurut jadual yang ditetapkan; dan
- (iii) apakah asas dasar ekonomi kita yang akan menggantikn DEB apabila tamatnya tempoh dasar tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mengenai soalan (i), saya minta Ahli Yang Berhormat

menunggu pembentangan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai soalan (ii), iaitu sama ada Kerajaan berhajat melanjutkan tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang yang ada sekarang (iaitu 1971-1990) ke tahun 2,000, setakat ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan muktamad. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam proses perancangan jangka panjangnya Kerajaan sentiasa mengawasi prestasi yang dicapai oleh ekonomi negara kita, dan selaras dengan itu Kerajaan semestinya memandang jauh ke hadapan hingga melebihi tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang tahun 1971-1990 yang ada sekarang. Soalan (iii) adalah berkaitan dengan soalan (ii) tadi dan dengan itu jawapannya juga adaah bergantung kepada hasil penilaian yang akan dijalankan.

PERDAGANGAN MALAYSIA/ JEPUN—DEFISIT

27. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan defisit besar perdagangan yang menguntungkan rakan sekutu perdagangan utama kita, Jepun, di mana defisit tersebut berjumlah kira-kira \$2,556 juta dalam tahun 1983, dan apakah yang akan dibuat oleh Kementeriannya untuk mengatasi berbagai-bagai tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh Jepun ke atas banyak produk-produk Malaysia terutama sekali minyak kelapa sawit dan kayu bergergaji.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah benar bahawa Malaysia telah mengalami defisit yang besar dalam imbalan perdagangannya dengan Jepun. Walau

bagaimanapun jumlah defisit untuk tahun 1983 sebanyak \$2,556 juta tersebut hanyalah merupakan anggaran sahaja dan angka sebenar setakat bulan Ogos, 1983 hanyalah sebanyak \$1,228.3 juta. Walau bagaimanapun kerajaan bukan sahaja bercadang untuk memperbaiki keadaan ini, tetapi juga turut mempergiatkan usaha-usaha untuk mewujudkan pembahagian perdagangan yang seimbang antara Malaysia dan Jepun.

Walaupun Malaysia telah mengalami defisit di dalam imbalan perdagangannya dengan Jepun, ini tidaklah bermakna bahawa ianya merupakan satu kerugian yang besar kepada negara. Ini kerana jumlah defisit yang diperolehi pada tahun 1983 oleh Malaysia itu perlulah diteliti dari segi imbalan perdagangan secara keseluruhan, di mana Malaysia telah memperolehi lebihan perdagangan sebanyak \$1,644 juta, iaitu bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 1983 di mana eksport berjumlah \$29,585 juta dan import \$27,941 juta.

Jika dikaji dari segi barangan utama yang telah diimport dari Jepun, didapati bahawa semua barang-barang tersebut tidak dikeluarkan di Malaysia, Tetapi adalah amat penting dan diperlukan untuk pembangunan ekonomi Malaysia. Oleh itu barang-barang tersebut terpaksa diimport dari Jepun memandangkan harganya yang berpatutan dan mutu yang baik. Antara barang-barang perlu yang kita import dari Jepun termasuklah alat-alat jentera, kelengkapan pengangkutan dan perhubungan bahan-bahan binaan, bahan-bahan kimia dan lain-lain keluaran kilang.

Kerajaan, khasnya Kementerian saya terus melipatgandakan usaha untuk meningkatkan eksport bukan sahaja bagi bahan-bahan utama untuk meningkatkan eksport bukan sahaja bagi bahan-bahan utama malahan juga

barang-barang pembuatan kilang dan separuh siap, yang mana sememangnya menghadapi sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif. Pihak kita terus menggesa pihak Jepun supaya membuka pasarannya umpamanya melalui pertukaran lawatan dan perbincangan dua hala sama ada di peringkat pemimpin tertinggi antara kedua-dua Kerajaan mahupun di peringkat Kementerian-kementerian. Selain daripada itu kita juga telah menghantar rombongan-rombongan dan menyertai pameran-pameran perdagangan di Jepun untuk barang-barang eksport Malaysia seperti hasil-hasil kayu dan getah. Di samping itu melalui dialog ASEAN-Jepun, kita bersama-sama rakan dalam ASEAN mendesak supaya pasaran Jepun dibuka lebih luas lagi bagi barang-barang dari negara Jepun. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Skim Sistem Keutamaan Am (GSP) Jepun di mana hasil dari gesaan negara-negara ASEAN, Skim ini terus diperbaiki umpamanya dengan menambah kuota ceiling ke atas Skim ini kepada 50% bagi tahun 1984, dan juga penurunan cukai import ke atas minyak kelapa sawit di bawah Skim ini dari 5% kepada 3% pada masa kini.

Malaysia juga terus mendesak pihak Jepun supaya menghapuskan sekatan-sekatan tarifnya melalui forum-forum perdagangan antarabangsa seperti United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan General Agreement on Tariffs and Trade (GATT).

ALAT-ALAT PENDARATAN DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kepada keadaan serupa di bawah mana sebuah kapal terbang penumpang JAL dan sebuah

Airbus MAS telah terhempas di Subang di mana penglihatan (visibility) adalah buruk sekali, sama ada langkah-langkah serta-merta akan diambil untuk membeli teknologi sistem pendaratan terbaru yang sedia ada untuk mencegah dari berlakunya hempasan udara di Subang dalam masa akan datang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Lapangan Terbang Antarabangsa adalah dilengkapi dengan alat-alat pendaratan dan panduarah yang cukup dan sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa dan sebagaimana mengikut keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Bagi maksud membantu pesawat-pesawat mendarat dalam waktu keadaan cuaca yang kurang baik, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah dilengkapi dengan "Instrument Landing System (ILS)" di kedua-dua arah landasan. Kedua-dua alat ILS ini adalah alat-alat terbaharu yang telah dipasang dalam tahun 1982.

HAKMILIK TANAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

29. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar penduduk-penduduk kampung-kampung baru di Wilayah Persekutuan yang diberikan hakmilik tanah 30 tahun dan kini hanya tinggal 4 atau 5 tahun lagi sebelum hakmilik tanah mereka luput berasa bimbang kerana mereka tidak pasti sama ada hakmilik tanah mereka akan dibaharui; jika ya, nyatakan sama ada kerajaan akan memberikan mereka hakmilik tanah tetap.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Kerajaan sedar bahawa sememangnya terdapat tanah-tanah di Kampung-kampung Baru di Wilayah

Persekutuan ini diberikan pajakan selama 30 tahun. Kerajaan juga maklum bahawa ada sebahagian tempoh pajakan ke atas tanah-tanah ini akan luput dalam tempoh 4-5 tahun lagi.

Oleh kerana tanah di Kampung-kampung Baru ini diduduki secara pajakan, maka tuan-tuan punya tanah berkenaan bolehlah memohon untuk melanjutkan tempoh pajakan tersebut.

Dalam menimbang untuk melanjutkan pajakan Kerajaan telah memutuskan supaya semua permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan itu akan dipertimbangkan tempoh pajakkannya dalam masa dua tahun sebelum tanah pajakan tersebut luput.

RUMAH IBADAH—GARIS PANDUAN

30. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan peraturan supaya kubah gereja atau lain-lain tempat sembahyang yang dibina di sesuatu kawasan yang berdekatan dengan masjid, tidak melebihi tingginya daripada menara sesebuah masjid di kawasan tersebut, demi menjaga maruah agama Islam sebagai agama resmi negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji dan menyediakan laporan serta perakuan mengenai garis panduan dalam pembinaan rumah ibadah di negara ini. Jawatankuasa ini masih lagi giat menjalankan tugasnya dan mungkin perkara yang berkaitan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ada diambil perkiraan

oleh Jawatankuasa tersebut, untuk mengelakkan timbulnya isu-isu sensitif mengenainya.

PENGGALAN UDARA RAAF BUTTERWORTH

31. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang perbincangan dibuat dengan Perdana Menteri Australia Bob Hawke berhubung dengan kedudukan pengkalan udara RAAF di Butterworth semasa lawatan Perdana Menteri tersebut ke Malaysia baru-baru ini. Jika ada, nyatakan keputusan dari perbincangan tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Semasa lawatan Perdana Menteri Australia ke Malaysia baru-baru ini, satu perbincangan telah pun diadakan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Kerajaan Australia masih lagi belum mengemukakan keputusan itu, dan selagi pengumuman itu masih belum dibuat adalah tidak wajar untuk saya mengumumkan keputusan yang belum diketahui itu.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG- UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawal selia penggunaan, pengimportan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KE BAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka penggal Kedua Parlimen Yang Keenam, (15hb Mac, 1983).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

4.05 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi kesempatan untuk menyambung apa yang saya sebut semalam berkenaan dengan dasar luar dan di dalam hal ini maka perkara yang hujung-hujungnya dibincangkan iaitu perkara Palestin. Izinkan saya merumuskan semula dengan singkatnya apakah yang dijadikan persoalan pada masa ini.

Di dalam perbincangan saya dengan saudara Yasser Arafat, dengan nama lainnya Abu Amar, dia dan juga

sahabat-sahabatnya di dalam PLO, mengatakan bahawa pada masa ini isu Palestin itu boleh diselesaikan dengan cara politik, itu yang pertama. Ini adalah berubah daripada keadaan yang lama iaitu mereka mengatakan penyelesaian Palestin itu hendaklah dibuat dengan secara kekerasan.

Yang kedua, dia mengatakan juga bahawa PLO dan rakyat Palestin terikat dengan idea confederation, bukan federation, tetapi confederation. Dan di dalam melaksanakan hal ini maka dikehendaki pemikiran rakyat Palestin itu disoal. Ini bermakna bahawa satu ‘process of self determination,’ dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah diadakan. Ini adalah logik kerana di dalam konsep confederation dua negara yang merdeka akan bersatu dalam satu rancangan.

Yang ketiganya, dia mengatakan bahawa kuasa-kuasa besar mestilah terlibat di dalam hal ini terutama sekali mereka yang menjadi anggota Permanent Member of Security Council, iaitu negara Soviet, negara USA, China, Perancis dan Britain. Jadi, dengan rumusan ini dan pendapat ini maka saya juga diminta oleh Yasser Arafat untuk menjajakan idea ini kepada negara-negara besar. Dan di dalam hal ini sudahlah, sebagaimana saya kata semalam, saya dapat berjumpa dengan Timbalan Menteri Luar British menceritakan hal ini dan dia berasa bahawa perkara ini ada baiknya dipertimbangkan dan begitu juga Menteri Luar China, dia merasakan bahawa soal ini adalah satu perkembangan yang baru dan baik sangat dipertimbangkan. Tetapi apabila Perdana Menteri kita sampai di Washington, dia mengemukakan soal ini kepada Presiden Reagan, dengan pantas jawapan daripada pihak Amerika melalui Presiden Reagan ialah bahawa syarat yang pertama yang hendaklah dikenakan, iaitu PLO dan Yasser Arafat hendaklah dengan lantang

mengatakan bahawa Israel itu berhak wujud atau dengan lain perkataan PLO dan Yasser Arafat hendaklah mengiktiraf negara Israel.

Selepas daripada itu sebagai satu susulan maka saya berjumpa dengan Penolong Menteri Amerika Tuan Kenneth Dam dan saya bertanya pula kepadanya, sekiranya saudara mahukan Arafat mengiktiraf Israel, maka sekarang saya mahukan daripada pihak Amerika Israel mana yang akan dikehendaki—diiktirafkan itu, adakah Israel yang wujudnya pada tahun 1948 atau Israel yang telah berkembang sehingga pada tahun 1967 ataupun Israel yang dituntut oleh Zionist iaitu Israel daripada Sungai Nile ke Sungai Euphrates. Beritahu kepada kita dahulu Israel mana maka kita insya Allah akan menyampaikan definasi Israel ini kepada Yasser Arafat untuk pertimbangannya. Tetapi kita bagi pihak Malaysia mengatakan selagi tidak ditentukan di mana dan apa itu Israel maka tidak adil kita menuntut daripada Arafat untuk memberi satu pengiktirafan.

Pada masa ini, saya masih menunggu jawapan itu dan apabila saya tengok apa yang dilakukan oleh Cairo bersama dengan Jordan dan PLO maka kita sangat berkembang hati bahawa ada nampaknya kerjasama di antara tiga negara untuk mencari penyelesaian, tetapi malangnya didapati oleh pihak mereka bertiga ini terutama oleh King Hussein bahawa dia berasa frust sekali, sangat frust dengan Amerika kerana katanya Amerika itu sudah tidak lagi boleh dikatakan 'honest broker' atau orang tengah yang jujur.

Jadi, pada masa ini di situlah keadaannya kerana barangkali pada masa ini ialah dalam suasana untuk menunggukan pilihanraya Presiden. Tetapi kepada kita di sini ini adalah satu perkara yang sangat sedih, kerana janganlah sebab election maka

diizinkan darah mengalir. Takkan sebab election kita tidak bertanggungjawab sampai begitu sekali sehingga tidak memperdulikan, tidak mnghiraukan darah mengalir. Ini adalah satu perkara yang sangat penting. Sehingga saya dapat tahu sekarang Israel sedang kelam-kabut mencari siapa dia Hart, address pun tidak tahu, telefon pun tidak tahu. Jadi macam mana kita hendak mencari penyelesaian sekiranya segala penyelesaian ini terikat dengan satu suasana iaitu election di Amerika. Inilah keadaannya, yang dihadapi oleh kita yang mencuba membantu untuk mencari penyelesaian.

Jadi, selain daripada itu, maka timbul cerita Lebanon yang sekarang sedang di dalam satu keadaan yang sangat menyedihkan. Tetapi ada orang mengatakan kita mesti mencuba untuk tranquillise atau mententeramkan dahulu Lebanon baharu kita cari penyelesaian berkenaan dengan Palestin. Biarlah saya mengatakan kepada orang itu, bagi Kerajaan Malaysia, kita percaya bahawa soal Lebanon itu adalah akibat dari bukan sebab soal Palestin. Problem yang timbul di Lebanon itu sebab adanya problem Palestin, bukan dia menyebabkan Palestin. Jadi, hendaklah dibetulkan keadaan Palestin dahulu dan insya Allah keadaan dalam Lebanon itu akan dengan sendirinya boleh jadi betul. Kerana selagi problem di Palestin itu tidak dibetulkan, sebegitulah banyak kuasa-kuasa luar akan campur tangan, sebegitulah juga buruknya keadaan dan jeliknya keadaan terjadi di dalam Lebanon. Kita berharap kepada mereka yang mencuba mencari penyelesaian berkenaan dengan Lebanon menerima hakikat ini supaya kita dapat bersama-sama dan bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian berkenaan dengan Palestin. Tetapi di dalam hal ini timbul pulalah perang saudara antara Iran

dan Iraq yang sangat menyedihkan kita. Kita sebagai satu anggota Jawatankuasa Pendamai bersama-sama dengan Pakistan, Bangladesh, Turkey, Senegal, PLO dan Gambia yang dipengerusikan oleh Guinea sangat rasa curiga dan sangat berasa susah hati kerana ini adalah satu tanggungjawab kita sebagai negara Islam dan tanggungjawab ramai dari segi organisasi Islam untuk mencari jalan perdamaian tetapi sehingga pada hari ini masih buntu. Dan bukan sahaja buntu, perkara itu sudah merebak sehingga beribu-ribu lagi rakyat Islam mengalir darah di dalam satu sengketa yang seharusnya tidak timbul dan hanya kita berdoa kepada Tuhan supaya hati mereka itu berdua tersentuh untuk mencari perdamaian yang segera. Kerana yang untung bukannya umat Islam, yang untung adalah musuh Islam seperti Yahudi.

Di sini saya mengatakan bahawa usaha yang kita buat bersama-sama dengan Presiden Guinea iaitu Chairman atau Pengerusi daripada Jawatankuasa Pendamai itu mencari jalan, bahkan kita mendapat berbagai-bagai tawaran daripada Presiden Guinea untuk berbincang di dalam hal ini, dia sendiri sekarang sedang berbincang dengan Raja Arab Saudi untuk mencari formula yang baharu supaya dapat dilaksanakan untuk mencari penyelesaian di antara Iran dan Iraq. Saya percaya apabila Perdana Menteri kita berangkat ke Pakistan untuk bertemu dengan Zia Ul-Haq, beliau akan membincangkan juga soal ini untuk mencari jalan kerana Pakistan juga adalah satu daripada anggota Jawatankuasa pendamai daripada organisasi OIC.

Kemudahan kita memandangkan pula soal *Sahil* iaitu soal bagaimana padang pasir ini memakan negara-negara yang berhampiran dengan padang pasir Sahara dan kebanyakannya boleh dikatakan kesemuanya, adalah negara-negara Islam yang sudah begitu lama

mempunyai tamadun dan membiak dan memperluaskan agama Islam di Afrika maka mereka inilah yang menjadi mangsa kepada meluasnya padang pasir itu. Jadi, kita sangat sedih hati menengok keadaan ini tetapi yang lebih sedih hati kita iaitu jentera yang ditentukan untuk membantu iaitu jentera-jentera daripada OIC nampaknya kaku tidak dapat berbuat apa-apa. Kita membawa satu cadangan kepada OIC baharu-baharu ini untuk mengizinkan negara yang mampu dan boleh membantu biarlah dia membantu dengan cara langsung, tidak payah pakai jentera OIC. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita mengirinkan satu panitia, satu Committee untuk menyiasat keadaan negara Mali iaitu sebuah negara Islam yang sangat terkenal pada zaman dahulunya lagi kerana menyebarkan agama Islam di Afrika. Maka kita dapati satu keadaan yang sangat buruk, yang sangat mengharukan apabila saya sendiri pergi untuk melihatnya, dan kita sudah mengirim beberapa ribu tan beras dan juga membantu untuk membangunkan semula negara Mali. Dan pada masa sekarang masih lagi kita memikirkan apakah dikehendaki sekali lagi kita mengirinkan beras untuk makanan kepada mereka.

Soal Kampuchea dengan Vietnam Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah banyak tersiar di akhbar-akhbar dan sudah dijawab di sini tetapi pergolakan yang baharu yang terang-terang kita nampak iaitu Vietnam kalau dua tahun dahulu mengatakan keadaan di Kampuchea itu adalah 'irreversible', tidak boleh diubah lagi, semalam, pagi tadi Co Tach bercakap di Jakarta dan di Canberra bahawa dia sanggup berhubung dan negotiate untuk mencari penyelesaian. Ini adalah satu perubahan baharu, perubahan yang dilakukan oleh sebab adanya bantuan-bantuan yang diberi oleh ASEAN dan Malaysia untuk mencari penyelesaian.

Umpamanya, di dalam mencari penyelesaian ini kita membantu untuk mewujudkan satu Kerajaan Campuran (CGDK) yang diketuai oleh Prince Norodom Sihanouk. Kerajaan ini pada masa ini sudah menerima pengertian daripada negara luar. Kalau dahulunya mereka tidak mengerti mengapa diadakan CGDK ini yang dipimpin oleh Sihanouk kerana adanya Khmer Rouge yang begitu zalim dahulu, sekarang sudah terdapat pengertian baharu di sisi negara-negara asing, menjadikan pekerjaan kita untuk mencari sambutan atau bantuan diplomatik lebih senang daripada satu waktu dahulu. Kerana Sihanouk sendiri mengatakan "Mengapa yang tuan-tuan tanya berkenaan dengan Khmer Rouge dan kezalimannya. Anak saya 5 orang, cucu saya 13 orang dibunuh oleh Khmer Rouge tetapi yang paling penting bukan anak saya, bukan cucu saya tetapi kemerdekaan Kampuchea."

Jadi ini difahami oleh negara lain, difahami oleh bangsa lain, difahami oleh kuasa lain. Maka dengan itu sambutan yang diberi kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Sihanouk itu bertambah dan juga resistance dan juga pergolakan di dalam negeri sendiri begitu hebat sehingga Vietnam saya rasa terpaksa merubah sikap. Kalau pada satu waktu seperti yang saya kata tadi, mereka mengatakan tidak boleh dirubah, tidak boleh dirombak; sekarang mereka sanggup berbincang, kalau sanggup berbincang maknanya adalah kelonggaran. Jadi pada masa ini ASEAN mestilah memikirkan soal ini dengan mendalam dan menyambar apa juga kesempatan yang boleh diambil untuk mencari penyelesaian supaya Tenggara Asia kita ini dapat stabil dan dapat aman.

Baru-baru ini datang pula ke mari Menteri Luar China, rakan sejawat saya iaitu Mr Wu. Di dalam perbincangan dengan Mr Wu kita

menekankan dengan lantangnya bahawa sekiranya kita berkehendakkan persahabatan Malaysia-China ini lebih dekat lagi, lebih rapat lagi, mereka mestilah menimbang semula dasar apa yang dikatakan dasar dua—satu dasar pertalian Kerajaan dengan Kerajaan dan satu lagi dasar pertalian parti dengan parti. Kita mengatakan kita kurang faham, kalau Kerajaan Barisan Nasional itu adalah daripada parti Barisan Nasional, kita merasakan bahawa Kerajaan China itu juga dari Parti Komunis China. Jadi, apa yang dikatakan oleh parti sudah tentu adalah apa yang dikatakan oleh Kerajaan dan sebaliknya. Tetapi mengatakan Kerajaan ada fikiran lain, parti fikiran lain, itu kita kurang faham.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita mengatakan kalau mereka tidak dapat mengubah sikap maka setakat itu sahajalah perhubungan dan pertalian kita dengan China. Saya minta kalau boleh putuslah hubungan dengan Parti Komunis Malaya—kata mereka tidak boleh, dan kalau tidak hendak putuslah hubungannya, carilah jalan lain lagi supaya perkara ini dapat diselesaikan tetapi mereka mengatakan ini adalah warisan daripada tawarikh dan ini berkehendakkan masa yang panjang untuk menyelesaikan. Saya mengatakan kalau begitu setakat itu sahajalah pertalian kita, bermakna banyak pula pertalian Kerajaan dengan Kerajaan itu boleh tersangkut oleh sebab dasar luar dan dasar Parti Komunis China ini.

Pertamanya apa yang dikatakan semalam oleh saudara saya dari Kementerian dalam Negeri, macam mana kita boleh mengizinkan rakyat kita pergi ke negeri China atau rakyat China datang ke negara kita kalau dia masih menetapkan dasar itu. Ini yang rakyat kita mesti faham, bukan kita yang menyekat mereka berjalan ke

sana tetapi dasar China yang menentukan dasar kita. Ini adalah satu balasan daripada dasar yang ditentukan oleh China iaitu dengan adanya perhubungan antara Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya. Maka sebab itulah umpamanya, apa juga soal perjanjian perkapalan, kita tidak dapat mengizinkan kelasi-kelasinya berjalan berlewang-lewang sahaja di Port Kelang atau di Kuala Lumpur sebab adanya dasar China yang mengatakan dia masih ada lagi perhubungan dengan Parti Komunis Malaya walaupun perhubungan ini adalah secara minima, boleh dikatakan tidak nampak lagi kerana umpamanya radio yang dahulu lantang melaung-laung daripada negeri China sekarang sudah senyap dan suratkhbar China tidak lagi melaporkannya apa yang dilakukan oleh CPM, itu kita mengaku tetapi kita tidak dapat menerima hakikat ini selagi tidak ada jaminan daripada negara China dan Parti Komunis China bahawa dia tidak lagi mengadakan perhubungan dengan Parti Komunis Malaya.

Jadi inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak mengatakan di sini sebagai satu rumusan daripada apa yang sepatutnya saya jawab dengan panjang lebar atas beberapa pertanyaan iaitu keadaan kita pada masa ini dari segi dasar luar dan dari segi menjaga keamanan negara menerusi atau melewati dasar luar adalah berjalan dengan baiknya. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada anggota-anggota Dewan yang mulia ini kerana memberi segala teguran kerana teguran-teguran yang begitu adalah sangat bernas dan memberangsangkan kami yang bekerja di Wisma Putra.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.25 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengatakan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran terhadap perjalanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mengenai kebudayaan, berbagai pandangan telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat; di antaranya dari Kota Melaka yang telah membangkitkan mengenai sikap rigid dan tanpa tolak ansur dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinta dan Batu Gajah mahukan pembentukan Kebudayaan Kebangsaan yang lebih bersifat liberal melalui proses "evolusi" serta mengambil pertimbangan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum. Pandangan itu disokong pula oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Kuala Lumpur Bandar yang berpendapat bahawa dasar satu bahasa satu budaya tidak sesuai dengan keadaan masyarakat majmuk di Malaysia ini.

Sepertimana yang telah dijelaskan berulang kali, ketiga-tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah dipersetujui itu adalah berasaskan kepada realiti "ethno-sosio" dan politik negara ini. Dasar ini juga adalah berasaskan kepada kesinambungan sejarah dan perkembangan masyarakat masa kini serta cita-cita pembinaan negara masa hadapan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah salah satu tunggak (pillars) negara ini. Adalah menjadi amalan sejagat bahawa setiap negara yang merdeka dan berdaulat mempunyai bahasa dan kebudayaannya sendiri.

Ini adalah faktor utama ke arah memupuk nilai-nilai serta memperkembangkan identiti bangsa atau negara tersebut. Keadaan ini lebih perlu bagi sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbagai kaum yang mengamalkan berbagai kebudayaan, yang menuturkan berbagai bahasa serta menganuti berbagai agama seperti di Malaysia ini supaya penyatuan rakyat dapat diperkukuhkan melalui satu bahasa dan satu kebudayaan kebangsaan di samping pengembangan bahasa dan budaya sukuan masing-masing.

Adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat tanpa mengira asal usulnya bagi menerima hakikat bahawa "Di mana bumi dipijak, disitulah langit dijunjung." Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah dipersetujui sebagai garis panduan dan langkah untuk mewujudkan satu rupa bangsa Malaysia di masa hadapan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, gembar-gembur yang dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang yang menimbulkan satu suasana cemas, perasaan takut seolah-olah pengembangan budaya kebangsaan bererti penghapusan budaya sukuan adalah pandangan yang meleset, pandangan yang timbul dari sikap yang negatif dan pandangan daripada sikap perkauman yang sempit. Tidak langsung menjadi hasrat atau tujuan Kementerian untuk menyekat perkembangan bahasa dan budaya sukuan.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus menyatakan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah diwujudkan dengan tujuan untuk menghapuskan perasaan perkauman serta kesukuan di kalangan rakyat. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu telah dikaji dengan teliti, dipertimbangkan dengan halus dan memberi tempat kepada unsur-

unsur semua kebudayaan yang sesuai dengan nilai-nilai dan norma hidup di Malaysia dan mana-mana yang tidak sesuai adalah diketepikan walaupun ianya daripada unsur budaya rakyat bumiputra sendiri.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Sepertimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih dan Sungai Petani, perasaan tidak puas hati terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah kemungkinannya timbul daripada pihak-pihak tertentu yang tidak dapat memahami dasar itu dengan sebenar-benarnya atau mungkin juga disebabkan oleh faktor-faktor lain yang dipengaruhi oleh emosi atau sentimen.

Berkenaan dengan belia, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerai dan Sungai Petani telah menyentuh tentang belia-belia menganggur dan tercicir. Mereka mencadangkan Kementerian merangka satu strategi yang berkesan dengan mengadakan rancangan untuk menolong golongan belia. Kementerian memang mengambil berat mengenai belia-belia yang tercicir dari persekolahan dan menganggur dengan memberi latihan di berbagai bidang kemahiran supaya kemahiran yang diperolehi dapat menjamin masa hadapan mereka. Sehingga ini seramai 20,681 orang belia telah mendapat latihan kemahiran melalui Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Pertak, Kuala Terengganu dan juga melalui program Latihan Sambil Bekerja. Kementerian tentunya akan dapat memperluaskan lagi rancangan latihan ini bagi membolehkan lebih ramai belia-belia mendapat latihan pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaruh mencadangkan supaya pihak Kementerian mengkaji semula rancangan-rancangan khasnya dari

segi pemberian bantuan. Kementerian memang sedang mengkaji semula dasar dalam pemberian bantuan untuk projek-projek ekonomi termasuk rancangan belia peladang dan rancangan belia berniaga. Kajian ini dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada maklum balas dari berbagai pihak termasuk penerima-penerima bantuan. Maklum balas ini akan mengemaskinikan keadaan yang berubah dari masa ke semasa. dengan cara ini dasar pemberian bantuan ini akan lebih bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Kementerian bukan sahaja mengkaji semula dasar pemberian bantuan malah juga membuat penilaian prestasi ke atas penerima-penerima rancangan belia niaga. Kajilidik serupa ini juga dibuat bersama yunit penyelidikan sosio ekonomi (SERU) Jabatan Perdana Menteri. Begitu juga kajilidik penilaian rancangan belia peladang sedang dalam proses kajian dengan kerjasama SERU.

Yang Berhormat dari Tenggaruh juga menyentuh masalah kekurangan pegawai terlatih di Kementerian. Kami memang menyedari tentang masalah kekurangan pegawai terlatih terutama di peringkat negeri untuk membuat susulan dan memberi khidmat nasihat kepada belia-belia yang mendapat bantuan. Walau bagaimanapun usaha sedang dibuat untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Di samping itu Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi Kerajaan lainnya mempunyai hubungan dengan kepakaran untuk bersama menolong membantu menyelesaikan masalah dan memajukan projek yang dijalankan oleh belia-belia.

Berkenaan dengan sukan, Yang Berhormat dari Sungai Petani juga telah membangkitkan perkara kekurangan kemudahan sukan di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan beliau. Kementerian menyedari masalah ini dan telah menghubungi dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang mempunyai kemudahan sukan untuk memberi kerjasama supaya peluang-peluang diberi kepada penduduk-penduduk tempatan untuk mengguna kemudahan-kemudahan itu.

Akhir sekali saya ingin menyatakan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Shamsuri bin Haji Md. Saleh:
Saya jemput Kementerian Perdagangan.

4.33 *ptg.*

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dan mengemukakan pandangan-pandangan yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Peruan Agong semasa perasmian Penggal Kedua Parlimen Keenam dan izinkan saya memberi penjelasan dan ulasan kepada syor-syor dan pandangan yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula penarikan subsidi harga disel kerana penarikan subsidi yang telah

berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1984 telah menjejaskan kehidupan nelayan-nelayan dan petani-petani. Saya ingin menjelaskan bahawa sebelum Kerajaan membuat keputusan untuk menarik balik subsidi atas harga barang-barang petroleum, Kerajaan telah mengkaji segala implikasi penarikan balik subsidi ini. Dengan yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan semula subsidi disel oleh kerana perbelanjaan subsidi disel merupakan satu beban kewangan yang besar kepada Kerajaan. Sejak tahun 1977 hingga tahun 1982, perbelanjaan subsidi disel adalah sebanyak \$2,280 juta. Sektor pertanian dan perikanan merupakan sektor yang kecil dari segi penggunaan disel iaitu 4% sahaja. Dengan yang demikian, jika bantuan hendak diberi kepada sektor ini, ianya hendaklah merupakan bantuan yang lebih "direct" dan khusus untuk mereka, supaya apa-apa perbelanjaan Kerajaan terhadap sektor ini adalah dinikmati sepenuhnya oleh mereka. Bagi nelayan, Kerajaan telah pun mengadakan skim bantuan kredit untuk pembelian disel sebagai langkah jangka pendek. Bagi bantuan jangka panjang, Kerajaan akan memberi bantuan kepada nelayan yang ingin mempertingkatkan daya pengeluaran mereka serta kepada nelayan yang ingin beralih kepada bidang ekonomi lain seperti yang telah dinyatakan oleh Kerajaan semasa pengumuman penarikan balik subsidi barang-barang petroleum pada 1-1-1984 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah perbadanan industri kecil sebagai langkah wajar untuk melaksanakan program-program membangunkan industri kecil. Mengenai cadangan Yang Berhormat tersebut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebenarnya telah mengambil ingatan tentang perkara ini. Walau

bagaimanapun, Jawatankuasa Penyelarasan mengenai Pembangunan Perusahaan Kecil telah pun bersetuju mengenai cadangan penubuhan Perbadanan ini tetapi ia tidak boleh dilaksanakan oleh kerana masalah kewangan negara. Penubuhan Perbadanan ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat jika keadaan kewangan negara mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat dari Silam telah membangkitkan mengenai Akta Hakcipta dan kegiatan cetakrompak. Beliau telah menyatakan undang-undang berkaitan hakcipta dan penguatkuasaannya lemah dan ini telah menjejaskan kegiatan mengarang.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Hakcipta 1969 yang ada sekarang memperuntukkan jenis-jenis karya yang layak diberi perlindungan hakcipta. Jenis-jenis karya yang berkenaan termasuklah karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran (broadcast), serta "adaptations" bagi karya sastera dan muzik. Akta Hakcipta ini juga mempunyai peruntukan-peruntukan yang jelas mengenai tatacara bagaimana pemunya-pemunya hakcipta boleh membuat pengakuan dan aduan kepada pihak berkuasa atas mana-mana karyanya yang telah dicetakrompak.

Pihak berkuasa, dalam hal ini, Polis, hanya dapat bertindak setelah menerima pengakuan dan aduan dari pemunya hakcipta yang mengetahui mereka dapat bertindak. Pengakuan dan aduan dari pemunya hakcipta adalah penting oleh kerana hanya pemunya hak cipta yang mengetahui sama ada karya-karya yang dicetak itu telah dibuat dengan atau tanpa izinnnya.

Walau bagaimanapun sukacita saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa keseluruhan Akta Hakcipta 1969 ini adalah dalam proses kajian semula oleh Kementerian saya. Satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk mengkaji segala cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Kajian semula ini perlu dibuat secara teliti dan terperinci supaya mana-mana peruntukan yang ada dan didapati tidak sesuai lagi akan dimansuhkan dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan yang baru. Jawatankuasa ini juga meneliti undang-undang yang sama yang terdapat di negara-negara lain sebagai perbandingan-perbandingan supaya mana-mana hakcipta negara-negara lain yang baik dapat disesuaikan dengan keadaan di negara kita. Oleh yang demikian, kajian-kajian ini memakan masa sedikit. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa kajian Jawatankuasa ini adalah sudah sampai pada peringkat yang akhir.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kerajaan memang memandang berat tentang kegiatan-kegiatan mencetak rompak kerana kegiatan ini bukan sahaja salah dari segi undang-undang, tetapi juga salah dari segi moral. Oleh itu sama-samalah kita menunggu hasil kajian tersebut dan sama-sama menyumbangkan pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan yang membina. saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Silam dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat mengambil bahagian yang aktif membahaskan Rang Undang-undang Hakcipta ini apabila ianya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa hadapan.

Sekianlah ulasan-ulasan saya berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli

Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan itu dan insya Allah mana-mana yang difikirkan perlu dan munasabah kita akan laksanakan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun pada kali ini seorang Ahli Yang Berhormat sahaja yang bercakap menyentuh mengenai Kementerian saya. Namun begitu saya mengucapkan terima kasih kepada beliau.

Saudara Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan soal mengenai kemungkinan Malaysia mengeksport tembakau ke negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini tembakau yang kita hasilkan (khususnya daripada negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Perlis dan Kedah) adalah khas untuk digunakan dalam industri-industri membuat cigarette ataupun rokok di negara kita sendiri. Dan setakat ini hanya 60% daripada keperluan industri-industri tembakau yang membuat rokok di negara kita adalah daripada hasil pengeluaran tembakau di negara kita. dan lebih kurang 40% daripada tembakau yang diperlukan adalah tembakau yang diimport daripada negara lain.

Ini menunjuk dan membuktikan kepada kita hakikat bahawa kita belum lagi mencapai satu taraf di mana pengeluaran daripada negeri-negeri yang saya maksudkan tadi telah

mencapai satu volume ataupun jumlah yang berlebihan hinggakan kita dapat mengeksport keluar negeri.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah hakikat bahawa kualiti ataupun mutu tembakau yang kita hasilkan didapati belum lagi mencapai satu taraf kualiti yang tinggi yang membolehkan kita mengeksport bahan itu dan membolehkan kita bersaing dengan apa yang dihasilkan oleh negara-negara lain.

Walau bagaimanapun untuk menentukan supaya kita boleh mencapai objektif untuk mengeksport, banyak langkah-langkah yang harus kita ambil:

- (1) Kita harus boleh menentukan kualiti tembakau yang kita hasilkan dalam negara kita ini akan dapat ditinggikan atau akan dapat kita perbaiki supaya ianya dapat bersaing dengan kualiti tembakau yang dihasilkan oleh negara-negara lain di dunia ini.
- (2) Kita haruslah mampu mengeluarkan lebih daripada apa yang diperlukan oleh industri membuat rokok di negara kita ini.

Jadi dengan hanya berbuat demikian dan mengambil langkah yang telah saya sebutkan tadi maka kita boleh memikirkan soal mengeksport bahan ini ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat kita bukan hanya untuk menghasilkan komoditi utama ini untuk digunakan dalam negeri kita sendiri, tetapi kita berhajat juga untuk mengeksport ke luar negeri. Dan Kementerian saya pada masa ini sedang meneliti langkah-langkah yang perlu diambil untuk industri tembakau ini supaya satu kajian menyeluruh akan dapat diambil untuk menentukan supaya satu dasar atau approach

national peringkat kebangsaan terhadap industri tembakau boleh kita ambil.

Pada masa ini dalam usaha kita untuk meningkatkan dan meninggikan mutu tembakau yang kita hasilkan di negara kita, kita sedang melaksanakan satu rancangan yang dipanggil *integrated approach* kepada penanaman dan pengawitan tembakau. Kita telah memulakan satu projek di Trengganu ditempat yang dipanggil Alor Ketitir di mana kita mengadakan satu projek yang penanam-penanam tembakau juga boleh* ataupun juga melibatkan diri dalam pengawitan daun tembakau. Selepas ini baharulah daun tembakau dikering dan dijual kepada pihak pengilang rokok di negara kita. Dan dengan cara ini kita harap dapat meninggikan kualiti tembakau yang kita hasilkan juga kita bukan hanya boleh menampung keperluan industri tembakau ataupun industri membuat rokok di negara kita, tetapi kita juga boleh memikirkan apakah dapat kita mengeksport tembakau ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah apa yang boleh saya perkatakan dan sentuh mengenai perkara yang telah dikemukakan oleh saudara Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Insya Allah mungkin ada yang dikemukakan atas perkara-perkara yang lupa saya sebut, insya Allah akan diteliti dan tindakan akan diambil terhadap apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Dijemput wakil Kementerian Pertanian menjawab.

4.44 p/g.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian. Semua buah fikiran dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut akan diambil kira dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Pertanian di bawah Kementerian saya.

Saya tidak akan menyentuh satu-persatu soalan-soalan yang dikemukakan tetapi saya akan memberi penerangan secara am mengenai isu-isu yang telah disuarakan itu.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Pertanian Negara (DPN) yang telah diumumkan baru-baru ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan menggiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya dengan menentukan matlamatnya Dasar Pertanian Negara digubal untuk kepentingan semua kaum yang terlibat dalam sektor pertanian.

Dasar Pertanian Negara mengenal pasti halangan-halangan yang terdapat di dalam sektor pertanian dan menggariskan strategi-strategi kasar untuk mengatasi halangan-halangan tersebut. Kementerian saya akan memberi perhatian kepada cadangan-cadangan dan komen-komen yang telah pun diberikan di dalam melaksanakan Dasar Pertanian Negara.

Pada masa ini Kementerian saya sedang merangka strategi-strategi dan program-program untuk melaksanakan dasar ini. Program-program pembangunan yang akan dirangka akan memberi pertimbangan kepada program-program selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara akan meliputi kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan beberapa Kementerian dan agensi-agensi lain bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan sempurna.

Menyentuh mengenai cadangan supaya Kerajaan menambah bilangan pegawai-pegawai dalam institusi yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara dapat dijalankan dengan licin. Bagi pihak Kementerian Pertanian sumber-sumber tenaga manusia yang sedia ada akan diperkemaskan dan diuruskan secara cekap untuk mendapatkan daya pengeluaran yang tinggi bagi memastikan Dasar Pertanian Negara akan dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Sungguhpun sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara telah merosot dari 59% dalam tahun 1950 kepada 23.8% dalam tahun 1980 bagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai. Namun dari segi muat sumbangan sektor ini kepada jumlah pengeluaran telah bertambah dari \$646 juta dalam tahun 1960 kepada kira-kira \$6,926 juta dalam tahun 1982.

Menyentuh mengenai pembangunan komoditi buah-buahan dan sayur-sayuran yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan tanah untuk pengeluaran sayur-sayuran adalah mencukupi di kawasan berhampiran dengan bandar dan juga di kawasan tertentu seperti di kawasan tanah-tanah tinggi. Pengeluaran sayur-sayuran secara besar-besaran dan teratur akan menggunakan kaedah yang sedia ada dan juga teknologi-teknologi moden akan digalakkan. Pengeluaran buah-buahan tertentu

secara besar-besaran untuk dimakan segar pemerosesan dan eksport akan digalakkan.

Menyentuh berkenaan tanah terbiar adalah dimaklumkan di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan penghijrahan belia-belia ke bandar ialah kerana peluang-peluang yang ada di bandar yang memberikan pendapatan yang tetap dan suasana pekerjaan yang selesa dan menarik jika dibandingkan dengan kerja-kerja petani. Oleh kerana ini di bawah Dasar Pertanian Negara, Kerajaan akan berusaha menjadikan suasana kerja dan tempat tinggal di luar bandar tidak kurang menarik berbanding dengan kawasan-kawasan bandar. Kerajaan juga sedang melaksanakan perancangan penghijrahan secara komprehensif supaya mereka yang berhijrah mendapat peluang yang baik sementara mereka yang tinggal dapat memperluaskan tanah pertanian dan meningkatkan pengeluaran ladang melalui cara pertanian yang moden dan penggunaan teknologi yang baru.

Mengenai cadangan supaya skim insuran diadakan sebagai satu cara untuk membantu petani-petani dan nelayan-nelayan pada masa kecelakaan seperti kemarau, banjir dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya telah pun mengkaji mengenai perkara ini dan daripada kajian didapati bahawa skim ini tidak ekonomik dan tidak berdaya maju. Daripada pengalaman yang dialami oleh beberapa negara seperti India, Korea, Bangladesh dan Sri Langka juga menunjukkan yang skim tersebut telah menemui kegagalan.

Berhubung dengan menempatkan semula nelayan-nelayan suka dimaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian saya menjalankan aktiviti-aktiviti pemilihan nelayan-nelayan yang berlebihan secara

keseluruhannya, tetapi ianya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penghijrahan keluar ini akan dirancang melalui perubahan program-program yang teratur dan komprehensif supaya nelayan-nelayan yang terlibat tidak menghadapi kesulitan.

Menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh petani di projek MADA berikutan dengan serangan penyakit merah baru-baru ini di mana mereka terpaksa mengeringkan tanah mereka untuk satu musim bagi mengawal penyakit merah tersebut dan ini telah menjejaskan pendapatan mereka.

Sukalah dimaklumkan yang pihak MADA telah pun mengenal pasti aktiviti-aktiviti sampingan yang boleh dijalankan oleh petani-petani bagi membantu petani menampung pendapatan mereka yang telah terjejas itu.

Menyentuh mengenai retakan kepada dinding pam di Rungkup yang dibangkitkan oleh Ahli Yang terhormat dari Bagan Dato', sukacita dimaklumkan Kerajaan adalah sedar mengenai perkara ini dan retakan di bahagian dinding rumah pam tersebut adalah kerana mendapan, dengan izin settlement bangunan tersebut yang berlaku akibat keadaan tanah dan tapak yang terlalu lembut. Kerja-kerja memperbaikinya akan dijalankan sebaik sahaja keadaan mencapai tahap yang stabil. Namun demikian retakan yang berlaku itu tidaklah dianggap serius dan tidak akan mengganggu pemasangan alat-alat pam yang sedang di jalankan sekarang. kerja-kerja pemasangan pam dijadualkan siap sebelum akhir bulan April, 1984 manakala rumah pam dapat digunakan bagi maksud saluran kawasan sekitarnya.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Kementerian ini memang sedar bahawa terdapat hasil-hasil pertanian terutama buah-buahan yang didatangkan dari Thailand. Ini adalah kerana kawasan ini tidak ada sekatan bagi memasukkan buah-buahan tersebut ke Malaysia. Pengeluaran yang tinggi di negara Thailand itu pada keseluruhannya adalah kerana terdapat kawasan-kawasan yang luas dan di samping itu negara tersebut mempunyai iklim yang sesuai untuk tanaman berbagai jenis buah-buahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia dan Thailand mempunyai perjanjian dua hala dalam bidang pertanian, dalam rangka mana pertukaran lawatan sambil belajar diadakan di antara pegawai-pegawai Thailand dan Malaysia seringkali dilakukan dari masa ke semasa untuk meninjau. Ini memadai bagi mendedahkan pegawai-pegawai Malaysia kepada apa juga kaedah tanam buah-buahan di negara Thailand.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput wakil dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos—tidak ada. Saya jemput wakil dari Kementerian Pelajaran.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara

berkaitan dengan Kementerian Pelajaran semasa mereka membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin memberi jawapan kepada teguran soalan-soalan yang telah dikemukakan. Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah menyentuh perkara pengawasan pelajar-pelajar kita dan peranan Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) di seberang laut. Isu yang berkaitan dengan pelajar-pelajar di seberang laut telah banyak dibahaskan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Kuantan itu seperti yang dimaklumkan jumlah pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah begitu banyak 52,000 mengikut angka 1982 dan disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan mungkin angka ini akan meningkat lagi dari tahun ke tahun, dengan itu masalah-masalah yang melibatkan kebajikan pelajar-pelajar kita juga bertambah. Selaras dengan ini pejabat-pejabat MSD kita di luar negeri juga telah kita tambahkan yang mana antaranya pegawai-pegawai juga kita hantar termasuk juga pegawai-pegawai agama yang kita tempatkan. Setakat ini kita mempunyai 9 pusat Pejabat-pejabat Penuntut di luar negeri dan 11 cawangan-cawangan pejabat-pejabat itu yang mana kita mempunyai 67 pegawai-pegawai yang kita hantar daripada Malaysia ataupun 67 home based staff, dengan izin, yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar kita.

Kerajaan memang sedar daripada keseluruhannya, hanya sekumpulan kecil pelajar-pelajar kita yang mirip untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang menentang Kerajaan dan Kerajaan juga telah menjelaskan tindakan hanya akan diambil kepada mereka

yang menentang Kerajaan secara militan dan juga membawa tindakan-tindakan ala-revolusi kerana kita juga sedar jumlah besar pelajar-pelajar kita sebenarnya adalah bersifat bertanggungjawab kepada negara, bangsa dan agama mereka.

Adalah dirancangan mulai tahun 1985 dan seterusnya, pelajar-pelajar di bawah tajaan Kerajaan, di bawah program atau rancangan bersama daripada penganjur-penganjur Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, akan hanya dihantar ke luar negeri mengikuti kursus-kursus persediaan selepas mengikut kursus-kursus persediaan di dalam negeri terlebih dahulu di bawah kelolaan ITM dan sebahagian daripadanya di bawah kolej-kolej swasta yang boleh berbuat demikian. Melalui program ini, selain dari matapelajaran asas, diperkenalkan juga matapelajaran Ugama dan Tata Negara kepada pelajar-pelajar ini. Melalui pendekatan ini Kerajaan berharap akan dapat memupuk semangat nasionalisme dan semangat patriotisme di kalangan pelajar-pelajar kita dan dengan harapan ini semoga mereka akan mendapat bekalan untuk mengatasi dan menahan pengaruh-pengaruh sosial dan siasah yang ada di setengah-setengah luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, saya ingin menyatakan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan menjaga hal ehwal semua pelajar-pelajar di luar negeri, termasuk juga pelajar-pelajar perbelanjaan persendirian. Seperti yang pernah Kerajaan nyatakan, pelajar-pelajar itu juga memang bebas dan boleh untuk mengkritik Kerajaan, tetapi sebagai warganegara Kerajaan, adalah sangat mengharapkan mereka ini sentiasa menghargai negara dan bangsa mereka sendiri.

Sekiranya tentangan akan meningkat kepada peringkat yang lebih militan, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka saya ingin menjelaskan, seperti juga kita telah jelaskan, tindakan sebenarnya boleh diambil mengikut peruntukan undang-undang yang ada sekarang dan ini adalah tidak melebihi daripada peruntukan yang ada. Kita juga dari segi apa-apa tindakan yang kita ambil tidak ingin mengganggu hal ehwal keadaan di dalam negeri lain daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menimbulkan rasa kesalnya di atas sikap penerimaan biasiswa perguruan keluar negeri yang enggan berkhidmat sebagai guru setelah tamat pengajian mereka. Saya ingin menegaskan bahawa pemegang-pemegang biasiswa perguruan yang dihantar keluar negeri yang enggan berkhidmat sebagai guru adalah melanggar syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatangani oleh mereka. Oleh itu Kementerian Pelajaran mengambil tindakan undang-undang menuntut gantirugi kerana perbuatan tersebut. Untuk memastikan semua calon-calon yang diberikan biasiswa itu betul-betul jujur, adalah sukar untuk kita mengetahui kerana ini merupakan pendirian peribadi seseorang. Kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pemegang-pemegang biasiswa yang tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.

Seperkara lagi yang berkaitan dengan guru telah dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak. Saya ingin menyatakan bahawa memanglah menjadi amalan Kementerian Pelajaran menempatkan guru-guru baru sebelum hari pertama sekolah dibuka. Amalan yang sama juga diikuti dalam urusan pertukaran guru-guru di antara negeri pada penghujung tiap-tiap tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak juga telah menyentuh soal pembinaan sekolah secara projek kilat. Pembinaan bilik-bilik darjah secara projek kilat memang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran semenjak tahun dahulu dan bertujuan untuk menampung kekurangan bilik-bilik darjah di seluruh negara yang timbul akibat daripada penundaan projek-projek sekolah dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara yang telah lalu. Pada akhir tahun 1983 umpamanya, sejumlah 1,192 buah bilik darjah telah dibina mengikut sistem ini dan adalah dirancangan pembinaan-pembinaan bilik darjah secara projek kilat ini akan diteruskan pada tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga telah menyentuh tentang perkara yang hampir sama. Kementerian Pelajaran memang menyedari akan terdapatnya bangunan-bangunan sekolah yang sudah usang dan perlu diperbaiki ataupun digantikan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat usaha-usaha telah dan sedang diambil bagi menggantikan ataupun memperbaiki mana-mana bangunan yang terlibat. Namun demikian, usaha-usaha tersebut terpaksa dijalankan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pelajaran.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara berkaitan dengan KBSR dan Tulisan Jawi. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menuduh Kerajaan tidak berlaku adil kerana memaksa murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) untuk belajar tulisan Jawi dalam KBSR. Saya ingin menjelaskan, sebenarnya tidak ada cadangan bagi Kementerian Pelajaran memastikan ataupun memestikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) belajar skrip

Jawi. Walau bagaimanapun, jika ada sekolah tersebut yang hendak belajar Jawi, mereka bolehlah berbuat demikian.

Usaha meningkatkan penggunaan bahasa ibunda murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) tidak pernah dikurangkan dan kedudukan bahasa-bahasa itu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah berkenaan masih tidak berubah. Di samping bahasa pengantar, murid-murid itu juga diajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Disebabkan oleh waktu persekolahan yang terbatas, peruntukan masa yang dapat diberikan untuk kedua-dua matapelajaran ini juga terhad. Kekurangan yang dialami oleh murid-murid ini akan dapat ditampung sewaktu mereka berada dalam tingkat peralihan.

Saya agak hairan mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini menganjurkan supaya dipertingkatkan usaha menggunakan Bahasa Inggeris dan bukan Bahasa Malaysia yang menjadi Bahasa Kebangsaan Negara dan bahasa perpaduan rakyat sedangkan murid-murid SRJK yang disebutkan itu adalah rakyat Malaysia yang memerlukan penguasaan Bahasa Malaysia lebih daripada Bahasa Inggeris untuk hidup dan berbakti di bumi yang bertuah ini. Kita tidak menyediakan anak-anak yang akan hidup di negara asing dengan menggunakan bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa ibundanya.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan saiz kelas KBSR, Kementerian saya telah berkali-kali menyatakan bahawa hasrat Kerajaan ialah untuk mencapai bilangan 35 orang murid bagi satu-satu kelas, ini mengikut perakuan yang kita telah terangkan, akan tetapi pencapaiannya adalah bergantung kepada keadaan setempat dan keadaan ekonomi kita yang ada. Setengah-setengah sekolah telah pun

dapat mencapai bilangan ini, apatah sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Kerajaan berharap hasrat ini akan dapat dicapai sepenuhnya secara beransur-ansur.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh soal berhubung dengan pemotongan elaun guru-guru yang mengajar Bahasa Ibunda. Apa yang sebenarnya berlaku ialah oleh sebab kemelesetan ekonomi Kerajaan terpaksa menurunkan kadar elaun kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Ibunda. Kadar ini diturunkan dari \$20 untuk guru tanpa ijazah dan \$25 untuk guru ijazah kepada \$5 untuk sekolah menengah atas mulai 14hb Februari, 1984. Penubuhan ini dilaksanakan supaya jumlah masa bagi pengajian Bahasa Ibunda tidak terjejas.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menggesa Kerajaan supaya menggubal falsafah pendidikan yang berdasarkan Rukun Negara untuk menjamin kelicinan proses pembangunan dan kemajuan negara. Falsafah pendidikan yang dijadikan landasan kepada Sistem Kebangsaan sekarang sememangnya berasaskan Rukun Negara.

Soal kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan di Australia telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Pemilihan calon untuk ke universiti-universiti tempatan sememangnya berdasarkan kepada pencapaian akademi calon-calon berkenaan mengikut kumpulan kaum-kaum masing-masing. Kuota mengikut kaum tidak dapat dielakkan jika dasar-dasar negara hendak dicapai. Kerajaan memang memberi peluang kepada semua pelajar sama ada Bumiputera

atau bukan Bumiputera yang mempunyai kelayakan untuk mendapatkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan. Dalam hubungan ini Kerajaan sentiasa menambahkan bilangan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan pada setiap tahun.

Dalam rancangan jangka panjang Kementerian Pelajaran telah membuat matlamat bahawa jumlah kemasukan ke universiti pada tahun 1999 ialah kira-kira 14,000 pelajar setahun iaitu kira-kira 15% daripada jumlah lulusan STPM pada ketika itu. Ini ialah kira-kira dua kali ganda kapasiti ataupun kemampuan sekarang yang berjumlah kira-kira 7,000 pelajar yang akan diambil masuk pada tahun ini. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan lagi bilangan universiti-universiti tempatan. Kerajaan berpendapat dengan penubuhan dua buah lagi universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Utara Malaysia (UMM) baru-baru ini di samping kelima-lima universiti yang sedia ada, maka masalah kekurangan tempat untuk pelajaran tinggi telah dapat dikurangkan.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menyatakan ada persaingan untuk mendapatkan tempat di antara pelajar-pelajar tajaan Kerajaan dan pelajar-pelajar persendirian di universiti-universiti Australia, saya hendak menyatakan di sini bahawa rundingan-rundingan telah dan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia bagi mendapatkan tempat-tempat yang lebih banyak untuk pelajar-pelajar peringkat menengah atas dan universiti untuk pelajar-pelajar tajaan Kerajaan dan juga pelajar-pelajar persendirian. Perkara ini telah juga dibangkitkan kepada Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke semasa

lawatannya ke Malaysia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Di samping itu, satu memorandum telah juga dikemukakan kepada dengan izin, Review Committee mengenai dasar kemasukan pelajar-pelajar asing ke Australia. Soal persaingan sebenarnya tidak timbul antara pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dengan pelajar-pelajar persendirian daripada Malaysia. Oleh kerana Kerajaan Australia menghadkan bilangan kemasukan pelajar-pelajar asing pada keseluruhannya pelajar-pelajar kita terpaksa menghadapi persaingan dengan pelajar-pelajar negara lain untuk mendapatkan tempat belajar di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja yang dapat saya huraikan kemusykilan-kemusykilan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya pasti tidak semua persoalan yang telah ditimbulkan mengenai pelajaran telah dapat saya jelaskan dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun saya dan Kementerian saya akan mengkaji pandangan dan cadangan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan ini saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan jawapan bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tiada perbahasan atas Titah Ucapan berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Walau bagaimanapun wakil dari Tenggaroh, Yang Berhormat saudara Khadri Sabran dalam ucapan terima kasih

beliau di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membangkitkan mengenai MARA dan institusi yang lain yang memberi bantuan kepada peniaga-peniaga kecil. Beliau berharap dan mengesyorkan supaya MARA menambahkan lebih ramai lagi pegawai-pegawainya di daerah yang kecil supaya susulan dan bimbingan, khidmat nasihat dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan licin selepas sesuatu permohonan diluluskan. Ini disebabkan pegawai tiada kesempatan untuk membuat susulan kerana beban kerja.

Beliau juga mencadangkan supaya mengkaji dasar bantuan dan kemudahan membuat susulan dan mendapatkan khidmat nasihat selepas kelulusan sesuatu permohonan. Dalam kiraan MARA pada masa ini bilangan pegawai-pegawai yang ada sekarang didapati mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputera. Walau bagaimanapun adalah menjadi dasar MARA untuk mengkaji dari semasa ke semasa keperluan dan kehendak-kehendak Bumiputera di dalam sesuatu daerah. Kajian ini adalah suatu proses yang berterusan dan di mana didapati ada justifikasi maka MARA melalui proses perbelanjaan dan sebagainya akan menambah lagi pegawai-pegawainya di daerah-daerah untuk membantu tenaga yang ada bagi memberi khidmat nasihat yang mencukupi kepada Bumiputera. Untuk makluman tiap-tiap daerah di Semenanjung Malaysia ada ditempatkan sekurang-kurangnya seorang Pegawai Mara Daerah untuk mengendalikan urusan-urusan bantuan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputera di bawah berbagai-bagai program MARA.

Di beberapa daerah pula MARA menempatkan dua atau lebih Pegawai Mara Daerah berasaskan kepada banyaknya aktiviti-aktiviti peniaga dan pengusaha Bumiputera. Pada masa ini bilangan Pegawai MARA yang ditempatkan di peringkat daerah di seluruh Malaysia ialah 164 orang. Di samping itu MARA juga menempatkan kumpulan-kumpulan pegawai bimbingan di daerah-daerah yang sibuk terutamanya di ibu-ibu negeri dan pusat-pusat tertentu untuk membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputera mengikut wilayah-wilayah dan kawasan-kawasan tertentu. Penempatan ini adalah berasaskan kepada aktiviti-aktiviti peniaga dan pengusaha Bumiputera yang mengikut kiraan MARA mempunyai justifikasi untuk ditempatkan pegawai-pegawai berkenaan. Bilangan pegawai-pegawai bimbingan seperti ini ialah 63 orang.

Berhubung dengan cadangan supaya MARA mengkaji dasar bantuan dan kemudahan yang disediakan, MARA akan mengambil perhatian terhadap cadangan tersebut. Bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, pihak MARA memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki dari masa ke semasa segala dasar bantuan dan kemudahan yang diberikan ke arah memperbaiki taraf usahawan Bumiputera di dalam bidang perusahaan dan perdagangan.

Kajian keatas dasar-dasar ini adalah bertujuan supaya segala jenis bantuan dan kemudahan yang disalurkan kepada usahawan bumiputera sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa mereka.

Mengenai dengan khidmat nasihat dan perkhidmatan susulan keatas projek-projek yang telah diluluskan pula, untuk makluman Yang Berhormat, pihak MARA memang melaksanakan kegiatan di atas untuk

mempastikan kejayaan projek-projek yang diusahakan oleh usahawan bumiputera.

Biasanya susulan dibuat selepas sebulan projek diluluskan dan susulan berikutnya akan dibuat bagi tiap-tiap tiga bulan sekali.

Jika sekiranya didapati projek ini menghadapi masalah bantuan dan kemudahan akan disalurkan kepada projek ini mengikut keperluannya. Di antara jenis bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak MARA ialah seperti perkhidmatan teknikal, kewangan, pengurusan, pemasaran dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan bahawa di dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan ini mungkin terdapat beberapa kelemahan tetapi walau bagaimanapun, pihak MARA akan tetap berusaha dengan sedaya upayanya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dari masa ke semasa untuk menjamin pencapaian yang memuaskan dalam penyertaan bumiputera di dalam bidang perusahaan dan perdagangan.

Wakil dari Kuala Kedah, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin telah membangkitkan mengenai kekurangan kemudahan asas seperti elektrik, bekalan air dan jalan-jalan di kawasan beliau. 12 rancangan bekalan elektrik masih menunggu peruntukan dari Kerajaan Persekutuan.

Beliau berharap kampung tersebut akan mendapat bekalan menjelang akhir tahun 1984. Tumpuan juga harus diberikan kepada jalan-jalan kampung yang hanya bertanah merah dan belum ditarkan. Rakyat terpaksa menderita, katanya, kerana jalan tersebut berbecak di musim hujan dan berdebu di musim panas.

Wakil dari Bagan Datok, Yang Berhormat Tuan Yahya Haji Zakaria, antara lain, ia membangkitkan masalah jalan-jalan yang rendah taraf

dan masalah penyaluran bekalan air dan elektrik di kampung-kampung yang perlu diselesaikan dalam masa lima hingga sepuluh tahun yang akan datang agar rungutan dari masyarakat yang terlibat tidak lagi kedengaran.

Kerajaan memang menyedari tentang kekurangan kemudahan asas di luar bandar. Ini berlaku di seluruh negara bukan sahaja tertumpu di satu-satu kawasan. Sungguhpun begitu, dalam usaha untuk mempercepatkan penyediaan kemudahan-kemudahan asas ini, Kerajaan juga mempunyai masalah iaitu dari segi kewangan.

Sebenarnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyusun senarai-senarai projek yang akan dilaksanakan hingga tahun 1985. Tetapi malangnya oleh kerana keadaan kewangan negara yang uzur sekarang ini, projek-projek tersebut telah tidak diperuntukkan kewangan.

Insyallah, saya percaya sekiranya ekonomi kita berkembang dan pendapatan negara bertambah tentu Kerajaan akan memenuhi kewajibannya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Perkara ini lebih kurang sama dengan perkara di atas.

Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye menggesa Kerajaan menubuhkan Perbadanan Industri Kecil kerana perbadanan ini mempunyai kuasa otonomi dan perlu bagi membangunkan industri kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini adalah tidak perlu ditubuhkan Perbadanan Industri Kecil yang mempunyai kuasa otonomi bagi membangunkan industri kecil di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, telah wujud Bahagian Khas di Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertanggungjawab melaksanakan program memajukan industri kampung.

Bahagian ini juga dibantu dan disokong oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini dalam melaksanakan program berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Haji Dusuki telah bertanya mengapa tiada industri kecil di luar bandar bagi mengelakkan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah ada program untuk memajukan industri kecil di luar bandar. Program ini di samping bertujuan untuk menambahkan pendapatan penduduk luar bandar, juga bertujuan untuk mengelakkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Untuk pengetahuan dan makluman Yang Berhormat yang lebih lengkap, Ahli Yang Berhormat bolehlah menghubungi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sekian.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

Saya ingin tahu siapa yang hendak menjawab bagi pihak Kementerian Penerangan? Kalau begitu Yang Berhormat kena teruskan. Sebab mengikut Aturan Peraturan Mesyuarat kita 35 (3) seseorang Ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam satu-satu masalah. Sila teruskan dengan jawapan atas masalah Kementerian Penerangan.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Osman): Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh ketika membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13hb Mac, 1984 mengenai cadangan menggunakan Bahasa

Malaysia standard di RTM sebenarnya perkara ini telah pun dijelaskan dengan panjang lebar semasa Yang Berhormat Menteri Penerangan menjawab pertanyaan mulut dari Yang Berhormat wakil Setapak pada 15hb Mac, 1984.

Walau bagaimanapun, suka saya tegaskan di sini bahawa penggunaan Bahasa Malaysia standard itu adalah amat penting kerana sebagai satu cara untuk menjadikan Bahasa Malaysia ini sebagai satu bahasa ilmuwan sejajar dengan perkembangan bahasa itu sendiri terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian Penerangan adalah implemental kepada satu dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan mengenainya. Dan bukan sahaja Kementerian Penerangan, malah setiap Jabatan Kerajaan dan rakyat keseluruhannya sewajarnya menyokong penggunaan Bahasa Malaysia standard ini. Terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya menjemput wakil dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Tidak ada.

Saya menjemput wakil dari Kementerian Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian-kementerian itu tidak ada perkara yang hendak dijawab.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya ulang balik Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu Yang Berhormat Menteri saya pun telah menulis kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian ini tidak mempunyai apa-apa jawapan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput wakil dari Kementerian Kesihatan untuk menjawab.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbincangan atas usul ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Beberapa teguran mengenai kekurangan dan cara untuk mengekalkan doktor-doktor dalam Perkhidmatan Kerajaan telah ditimbulkan. Kementerian Kesihatan sedar akan masalah ini dan telah mengambil beberapa langkah yang diharapkan akan dapat mengurangkan, antara lain ialah:

- (i) Kementerian saya telah melaksanakan skim baru bagi pegawai perubatan yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Doktor Siswazah (Housemanship) bagi pemegang ijazah yang diiktiraf telah diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan dan mereka ini terus dilantik sebagai pegawai perubatan.
- (ii) Bagi pegawai perubatan yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan telah disahkan dalam jawatan mereka akan dinaikkan ke tingkatan kanan secara automatik. Urusan kenaikan pangkat ini telah pun dilaksanakan.

- (iii) Kerajaan juga menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dengan mengadakan biasiswa untuk mereka yang berminat di bidang kepakaran, juga peluang cuti tanpa gaji bagi mereka yang tidak memperolehi biasiswa. Dalam tahun-tahun yang lalu seramai di antara 60-80 pegawai telah diberi biasiswa untuk latihan kepakaran dalam beberapa bidang.
- (iv) Menambah dan menaikkan taraf beberapa jawatan pegawai perubatan dan dengan ini akan menambahkan peluang-peluang kenaikan pangkat. Kerajaan telah memberikan atau menaikkan kadar elaun-elaun kepakaran dan elaun-elaun galakan kepada pegawai-pegawai perubatan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan dapat, saya rasa, menyekat pelarian doktor-doktor atau pakar-pakar dari Perkhidmatan kerajaan sungguhpun berbagai cara telah dibuat untuk mengekal mereka dalam Perkhidmatan Kerajaan kerana alasan-alasan peribadi dan juga tarikan yang begitu menarik dari pihak swasta.

Kementerian berpendapat bahawa Suruhanjaya Siasatan tidaklah perlu ditubuhkan kerana Kementerian sentiasa mengikut perkembangan masalah yang dihadapi oleh kakitangan Kementerian bukan sahaja kepada pegawai perubatan ataupun pakar dan Kementerian memandang kepada semua golongan kakitangan dan perkhidmatan yang terdapat di Kementerian. Sebuah Suruhanjaya, saya rasa, tidak akan dapat membuat lebih daripada itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pasir Putih doktor atau pakar yang berdaftar

penuh oleh Lembaga Perubatan Malaysia memang dikenakan perkhidmatan wajib dengan Kerajaan selama 3 tahun mengikut Akta Perubatan, Fasal 40 (1) 1971. Perkhidmatan wajib yang dikenakan kepada semua doktor-doktor atau pun pakar tempatan dan luar negeri yang ingin mendapatkan pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia, kerana diharap akan dapat menampung perkhidmatan doktor atau pakar di negara kita.

Ketidak seimbang agihan pegawai perubatan dan pakar di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar adalah disebabkan oleh sistem 'hierarchy' di mana klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan luar bandar ditubuhkan di periferi dan tempat-tempat ini dianggotai oleh kakitangan pada amnya para-medic. Pusat kesihatan yang tertentu di kawasan luar bandar juga mempunyai pegawai perubatan dan pegawai peragian yang ditugaskan di situ. Pesakit-pesakit yang datang dari klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan yang memerlukan rawatan lanjutan akan dirujuk ke hospital-hospital daerah ataupun hospital besar yang tertentu. Sistem rujukan seperti ini amatlah berkesan dan membolehkan perkembangan perkhidmatan pakar-pakar yang terdapat di lokasi yang strategik di hospital-hospital daerah dan semua hospital besar. Cara ini adalah lebih cost-effective dalam mengadakan perkhidmatan pakar kepada orang awam.

Mengenai ura-ura Persatuan Pembantu Hospital untuk melancarkan mogok, Kementerian sedang menjalankan usaha-usaha untuk mengelakkan hal tersebut dari berlaku. Kita juga akan bersemuka dengan pihak pemimpin kesatuan tersebut bagi mencari jalan menyelesaikan masalah mereka secara bersama.

Cadangan juga telah dikemukakan untuk menswastakan perkhidmatan hospital atau sebahagiannya sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar. Sukalah saya memberi penerangan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji cadangan tersebut dan perkara ini perlu dikaji dengan teliti supaya mendatangkan faedah yang optimum kepada penduduk negara kita.

Berkenaan dengan pemilihan Presiden Persatuan Perkhidmatan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) sukalah saya menjelaskan di sini bahawa selaku pegawai yang tertinggi dalam Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di negara ini, Ketua Pengarah Kesihatan adalah terlibat dalam penggubalan dasar, semua kegiatan perubatan dan kesihatan termasuk perancangan dan pembangunan tenaga mahir dan oleh yang demikian merupakan pegawai yang paling sesuai untuk menjamin pembangunan dan perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang secukupnya dengan keperluan negara.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Kepong minta jalan, boleh?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak. Conflict of interest, dengan izin, tidak timbul kerana soal-soal berkaitan adalah bincangkan dalam majlis dan semua ahli berhak menyuarakan pendapat masing-masing dan keputusan mereka dibuat secara undi.

Semenjak satu tahun yang lalu urusan Majlis Perubatan Malaysia telah diperkemaskan dan Urusetia kepada Majlis telah diperkukuhkan lagi dengan melantik seorang doktor sebagai Setiausaha kepada Majlis dan juga mengujudkan beberapa prosedur yang baru.

Pada masa ini Ahli-ahli Majlis adalah terdiri dari:

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan;
- (b) 3 orang ahli yang dinamakan oleh Majlis Universiti Malaya dan dilantik oleh Menteri;
- (c) 3 orang ahli (tiap-tiap satu) yang dinamakan oleh Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan dilantik oleh Menteri;
- (d) 9 orang ahli yang bermastautin di Malaysia Barat dan dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan yang bermastautin di Malaysia Barat;
- (e) Seorang ahli yang bermastautin di Sabah dan dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan yang bermastautin di Sabah;
- (f) Seorang ahli yang bermastautin di Sarawak yang dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan yang bermastautin di Sarawak;
- (g) 3 orang ahli dari Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Menteri.

Keahlian Majlis Perubatan Malaysia yang terdapat sekarang saya rasa adalah dianggap seimbang dan sejajar dengan tugas-tugas dan tanggungjawab Majlis. Pusat-pusat Pendidikan Perubatan Tempatan perlu diberi suara yang cukup dalam Majlis kerana merekalah yang bertanggungjawab di atas pendidikan perubatan di negara kita. Mereka yang dinamakan oleh Universiti-universiti tidak patut dianggap sebagai berbelah pihak kepada Kerajaan. Sementara sektor awam yang merupakan sektor yang terbesar sekali dalam bidang kesihatan juga perlu diberi suara yang cukup.

Perkara-perkara perkhidmatan gaji dan kenaikan pangkat dan sebagainya adalah perkara-perkara perkhidmatan

dan service matters dan bukan fungsi Majlis Perubatan Malaysia. Fungsi Majlis Perubatan Malaysia secara langsung adalah untuk mengawal dan mengawasi amalan perubatan di negara ini.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih berkenaan dengan sikap seorang doktor di Pusat Kesihatan Besar Pasir Puteh, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kepada Kementerian bukti-bukti yang dikatakan ada di tangan beliau untuk membantu Kementerian menyiasat perkara ini. Saya rasa ada perkara-perkara yang lain dibangkitkan juga dan saya hanya dapat mengatakan bahawa Kementerian akan mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan kesihatan dan pergigian yang dikekalkan di negara kita.

Dan saya akhir sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi cadangan yang membina di atas tugas dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput wakil Kementerian Wilayah Persekutuan.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan jawapan untuk Kementerian saya, Kementerian Wilayah Persekutuan sebab ada satu perkara yang harus saya jelaskan yang telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Di-Raja, tidak ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian mengenai dengan membangkitkan masalah-masalah ataupun perkara-perkara di Kementerian saya. Walau bagaimanapun, ada satu perkara yang dikemukakan oleh Ahli dari Bagan Datok, dan sukalah saya menyampaikan jawapan dari Kementerian saya berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

Perkara-perkara yang dibangkitkan ialah satu, masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan beliau mencadangkan supaya diwujudkan satu perancangan yang lebih teliti untuk mengatasi masalah ini.

Perkara yang kedua masalah banjir kilat yang berlaku di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur telah lama menjadi masalah yang rumit dihadapi oleh penduduk-penduduk dan Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Di antara langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (1) Pembinaan jejambat. Beberapa bulatan dan persimpangan di dalam kawasan Bandaraya seperti Bulatan Jalan Pahang, Jalan Tun Razak, dan persimpangan Jalan Ampang/Jalan Tun Razak akan dibina semula untuk mengadakan jejambat.
- (2) Melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada. Oleh sebab pembangunan yang pesat khususnya projek perumahan, beberapa jalan utama seperti Jalan Genting Kelang sentiasa sesak dengan lalulintas terutama sekali waktu puncak. Untuk menambahkan keupayaan jalan-jalan ini

supaya pengaliran lalu lintas dapat dilicinkan jalan-jalan ini akan dilebarkan dan diperbaiki lagi.

- (3) Memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan. Di beberapa jalan-jalan dan lorong di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur terdapat kenderaan berhenti untuk membelok ke kanan di persimpangan dengan jalan masuk ke kawasan perumahan sentiasa menjadi satu halangan kepada pengaliran kenderaan yang lain. Pembaikan serta merta secara melebarkan jalan-jalan di kawasan persimpangan untuk mengadakan satu lorong tambahan bagi tujuan membelok ke kanan dijalankan dari masa ke semasa.
- (4) Jalan sehala. Sebagai satu cara yang berkesan dan murah untuk mencapai tujuan pengaliran lalu lintas yang licin sistem jalan sehala dilaksanakan dari masa ke semasa di dalam kawasan yang menghadapi masalah kesesakan lalu lintas jika didapati sesuai menurut hasil kajian.

Mengenai teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok keadaan lalu lintas di Jalan Raja Laut semakin sesak dijadikan jalan sehala. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keadaan kesesakan cuma terdapat pada hari pertama dan kedua. Keadaan kesesakan kemudiannya dapat dikurangkan dan tidak terdapat lagi tempat letak kereta di sebelah kiri jalan. Tempat letak kereta sebelah kanan akan dikosongkan pada bulan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok iaitu banjir kilat, Kementerian saya sedar mengenai banjir kilat yang

sering berlaku di beberapa tempat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh berlakunya hujan dengan keamatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, rainfall intensity yang datang di dalam jangkamasa yang singkat.

Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian mengenai keadaan banjir kilat ini dan sedang melaksanakan beberapa projek perparitan sebagai langkah-langkah untuk mengelakkan masalah banjir kilat tersebut. Dewan Bandaraya mempunyai satu pasukan khas yang bertanggungjawab membersihkan sampah-sampah di longkang-longkang supaya pengaliran air tidak tersekat dan dapat mengurangkan kejadian banjir.

Kerja-kerja tanah yang dijalankan oleh pemaju-pemaju, terutama pemaju perumahan adalah dikawal supaya hakisan tanah tidak berlaku dan kerja-kerja desilting, dengan izin, dijalankan di sungai-sungai yang telah menjadi cetek. Kerja-kerja membesarkan sungai-sungai dan pembentung-pembentung dijalankan dari masa ke semasa. Ini termasuklah projek-projek meninggikan ampangan Kelang Gate dan pembinaan dua ampangan baru di Hulu Sungai Gombak dan Sungai Kelang.

Kerja-kerja pembaikan Sungai Kelang juga sedang dijalankan dan juga Sungai Batu dan Sungai Gombak serta kerja-kerja membaiki lain-lain anak sungai untuk mencegah banjir.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja saya dapat menyampaikan jawapan yang telah pun dibangkitkan dalam perbincangan atas Titah Ucapan Di-Raja. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengemukakan perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ada lagi Kementerian yang belum menjawab dan ingin menjawab? Kalau

tidak ada, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam”.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-

Pertua, saya mohon mengemukakan usul:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) iaitu persidangan Majlis hari ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) iaitu Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) iaitu persidangan Majlis hari ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga hari Isnin 19hb Mac, 1984 pada jam 2.30 petang.

(Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51 petang).